


Jilid1
Bil.91



Hari Jumaat
29hb November, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 14851]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992

Jawatankuasa—

Jadual—

Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, B.12 dan
B.13 [Ruangan 14898]

Maksud B.14, B.15 dan B.16 [Ruangan 14929]

Maksud B.17 [Ruangan 14959]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1992:

Jawatan kuasa—

Maksud P.7 dan P.8 [Ruangan 14898]

Maksud P.14 dan P.16 [Ruangan 14929]

Maksud P. 17 [Ruangan 14959]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S S M.T . D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY YELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N.

” Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

” Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

” Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

” Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

” Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

” Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

” Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

” Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABPUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

” Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

”

- Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAFSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- .. Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (BeSUt).
- .. Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., I.M.N. (Kuala Rajang).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- .. Menteri Tanah dan Pcbangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kola Tinggi).
- .. Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD, TAIOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LING LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ■ BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., s.M.s. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.s. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Ulama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Seliu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., p.p.c. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar),
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.p., p.p.T., j.p. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Belong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIP BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuata Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Meriajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUK DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALJ BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAPA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN AssHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAHED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAH MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (LaTUt).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.c.R.L., K.st.j. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ASDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, PB.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ASD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAH (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN Sm ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman),
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai)-
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozila binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd, Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 29hb November, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**INDUSTRI BERASASKAN
PERTANIAN**

1. Tuan Haji Ishak bin Arshad minta
Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sejauh manakah Kementerian memainkan peranan menggalakkan pertumbuhan industri berasaskan makanan di negara ini;
- (b) berapakah nilai import makanan dan import bahan mentah makanan binatang ternakan bagi tahun 1985-1985-1990; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang dibuat untuk mengurangkan import makanan dan import bahan mentah makanan binatang ternakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memang memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan pertumbuhan industri berasaskan pertanian terutamanya industri pemprosesan makanan. Ini dijalankan melalui program-program

peningkatan pengeluaran tanaman, ternakan dan perikanan untuk memenuhi permintaan pasaran segar dan juga industri pemprosesan. Di samping itu agensi-agensi Kementerian seperti MARDI dan FAMA diberi tanggungjawab untuk menghasilkan berbagai kaedah dan teknologi memproses hasil-hasil pertanian, ternakan dan perikanan ini serta mempromosikan barang-barang yang dihasilkan ke pasaran tempatan dan antarabangsa.

Bagi menjawab soalan (b), nilai import barangan makanan bagi tahun 1985 hingga 1990 berjumlah \$22 ribu juta, manakala nilai import bahan mentah makanan binatang bagi tahun yang sama ialah sebanyak \$2 ribu juta.

Bagi menjawab soalan (c), langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pertanian untuk mengurangkan import makanan dan import bahan mentah makanan binatang ternakan ialah seperti berikut:

- (i) memperbanyakkan pengeluaran dalam negeri dengan menggunakan benih berkualiti, peralatan dan teknologi canggih serta berorientasikan komersial di samping meningkatkan penggunaan hasil-hasil pertanian tempatan.
- (ii) menyediakan khidmat-khidmat sokongan seperti infrastruktur, kredit, insentif dan galakan penyelidikan dan pemasaran kepada petani dan juga syarikat-syarikat swasta. Kementerian Pertanian sendiri telahpun melancarkan kempen-kempen

secara besar-besaran menggalakkan pengguna-pengguna mengutamakan hasil-hasil pertanian tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia masih mengimport bahan-bahan makanan seperti beras, gula, sayur-sayuran dan buah-buahan walaupun dari segi pertukaran wang asing ianya tidak menguntungkan. Pengimportan ini perlu, memandangkan bukan semua bahan-bahan makanan yang diimport sesuai ditanam di negara ini. Oleh itu, kita tidak ada pilihan lain melainkan terpaksa mengimport bahan-bahan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah lebih murah bagi kita mengimport bahan-bahan tersebut daripada mengeluarkannya sendiri.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan pertama sebagaimana yang telah kita dengar sekali-sekala barang-barang yang dieksport dari negara kita telah tidak diterima oleh negara-negara luar oleh kerana tercemar oleh bakteria. Jadi apakah tindakan Kememerian supaya perkara yang sebegini tidak berlaku, dan apakah tindakan Kerajaan kepada barang-barang makanan yang telah disimpan di dalam tin, yang dijual di negeri ini sendiri yang mana tidak ada diperiksa sama ada barang itu dicemari oleh bakteria ataupun tidak tercemar.

Soalan saya yang kedua, sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhonnat Setiausaha Parlimen tadi, kita tidak bercadang hendak menanam bahan-bahan makanan, oleh kerana lebih murah membawa barang makanan itu masuk ke Malaysia ini daripada menanam sendiri. Tetapi adakah Yang Berhormat itu sedar apabila pihak Russia tidak menanam grains beberapa tahun yang lalu dan bila penanaman grains di Amerika itu rosak, kemasukan grains ke Russia menjadi mahal.

Bukankah perkara yang sama mungkin berlaku di negara kita ini, kalau penanaman di luar negeri itu tidak baik, kita akan membeli barang-barang makanan itu dengan harga yang mahal?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Periua, mengenai soalan yang pertama dan kedua ini saya rasa adalah tidak benar sebab barang-barang yang kita keluarkan diawasi melalui MARDI, yang saya kira dari segi mutunya adalah dijamin.

Berhubung dengan soalan yang ketiga, tentang ...

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar;
(Bangun)

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Beri dia jawab dahulu.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta tolong beri saya penjelasan satu lagi selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Mengcnai dengan kita terlalu bergantung kepada import umpamanya import beras, adalah lebih murah kita import beras daripada kita tanam di dalam negeri. Walau bagaimanapun, dasar penanaman padi kita adalah 65% sara diri, jadi kawasan-kawasan jelapang padi yang ada di dalam negara kita mampu mengeluarkan kadar sara diri yang lebih tinggi, tetapi memandangkan kita boleh dapat beras dengan harga yang murah, maka kita memilih untuk mengimport beras. Kalau ada berlaku sesuatu saya rasa kita boleh mempergunakan jelapang padi yang sedia ada untuk mempertingkatkan pengeluaran padi ke tahap yang lebih daripada 65% sara diri.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru sekejap tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menafikan bahawa barang-barang kita yang dieksport itu tercemar. Baru-baru ini kita terdengar satu laporan mengatakan bahawa santan kelapa dari Malaysia yang dieksport ke Britain telah tercemar dan telah disah terdapat kuman Salmonella. Jadi, bagaimana perkara ini boleh berlaku sedangkan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan bahawa kawalan mutu kita dikawal dengan rapi?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Ini bukan semuanya begini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kita tidak boleh disebabkan ada satu perkara itu, kita anggapkan semua bahan-bahan keluaran di negara kita tidak baik, "oleh kerana nila setitik rosak susu sebelanga". Jadi, kadang-kadang ada. Pada keseluruhannya, saya tidak tekankan bahawa hasil-hasil pengeluaran pertanian kita adalah bermutu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Nawawi bin Mat Awin.

(Soalan No. 2 Y.B. Dr. Nawawi bin Mat Awin tidak hadir)

KERAJAAN TEMPATAN— PRESTASI

3. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) senaraikan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian supaya mengawasi prestasi kerja semua Kerajaan Tempatan; dan
- (b) apakah tindakan Kememerian terhadap Kerajaan Tempatan yang perkhidmatannya jauh daripada memuaskan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi menjawab soalan Yang Berhormat daripada kawasan Padang Serai, inginlah saya memaklumkan bahawa mengikut peruntukan Perlembagaan Negara, semua Kerajaan Tempatan kecuali Wilayah Persekutuan, adolah terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan sentiasa membantu Pihak-pihak Berkuasa Tempatan untuk memperkukuh dan m e m p e r t i n g k a t k a n pentadbirannya. Di antara usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan ke arah ini ialah memberi pertambahan geran-geran melalui geran keseimbangan yang mana kadarnya bertambah lebih kurang 6 kali ganda berbanding dengan jumlah geran tahunan yang diberi sebelum ini dan bantuan caruman/bantuan kadar.
- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, kelemahan-kelemahan Pihak Berkuasa Tempatan adalah berpunca, utamanya dari masalah kekurangan kewangan dan kakitangan profesional. Walau bagaimanapun, dengan bertambahnya sumbangan-sumbangan wang Kerajaan Persekutuan dan dengan nasihat leknikal pegawai-pegawai dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, perkhidmatan-perkhidmatan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan akan dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya Kerajaan Pusat hanya memberi nasihat dan bantuan kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan maka adalah terlibat secara

langsung atau tidak langsung. Jadi, saya minta berapa buah Kerajaan Tempatan yang tidak mengikut "audit rule" yang ditentukan oleh Kerajaan Pusat, dan berapa buah Kerajaan Tempatan yang tidak menghantar penyata laporan kewangannya mengikut masa-masa yang tertentu? Dan....

Tuan Yang di-Pertua: Dua itu cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Yang ketiga itu, berapa Kerajaan Tempatan yang tidak dapat berdikari....

Tuan Yang di-Pertua: Dua cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, kesemua Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan kira-kira tetapi masalahnya ialah lambat kira-kira mereka diaudit. Kita telah mengenalpasti beberapa Pihak Berkuasa Tempatan dan telahpun memberi arahan supaya kira-kira mereka diupdatekan dan diaudit dengan secepat mungkin. Walau bagaimanapun, kita berpuashati kerana langkah-langkah yang telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyambut arahan-arahan daripada pihak Kementerian pada masa ini adalah baik.

Mengenai kemampuan Pihak Berkuasa Tempatan berdikari, ia sememangnya digalakkan dan untuk berdikari, dan kita berpuashati kerana peningkatan ini berjalan dengan baik kerana ada beberapa Pihak Berkuasa Tempatan yang lelah mampu berdikari.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah satu dasar Kerajaan Pusat yang menyeluruh berkenaan dengan jangka masa penilaian semula terhadap cukai pintu ataupun perkara ini ditentukan oleh

pihak negeri masing-masing? Jika ya, apakah kriteria yang digunakan oleh salah satu daripada pihak yang berkuasa tersebut?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua» kriteria yang pertama ialah kepentingan awam iaitu untuk mempertingkatkan kecakapan memberi khidmat kepada masyarakat dan ianya memerlukan peruntukan dan kemampuan. Lepas itu, kajian perlu dibuat untuk memperolchi peruntukan yang lebih dan kemampuan dan ini memerlukan kewangan yang kukuh dan yang lebih. Oleh sebab itu, dari masa ke semasa, kajian perlu dibuat untuk menambah kewangan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Kuasa untuk mengkaji dan menaikkan taksiran cukai-cukai di Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk di bawah kuasa Pihak Berkuasa Tempatan sendiri. Walau bagaimanapun, kita telahpun memberi garis panduan kepada mereka.

PELDA DAN SALCRA—TANAH YANG DIUSAHAKAN

4. Tuan Jason Wong Sing Nang minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) jumlah kawasan tanah di bawah tanah SELCA dan FELDA telah diambil dan dibangunkan untuk penanaman kelapa sawit dan tumbuhan-tumbuhan (cash crops) yang lain; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menggantikan mereka yang tanah telah diambil seperti yang dinyatakan di atas.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yasin bin Kamari): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada agensi yang dikenali sebagai SELCA di bawah Kementerian ini. Walau bagaimanapun, sekiranya yang

dimaksudkan adalah SALCRA, iaitu Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority, dengan izin, kedudukannya adalah seperti berikut ini:

- (a) Sehingga 31.12.1990, jumlah kawasan tanah yang telah dibangunkan oleh SALCRA adalah 15,395 hektar, iaitu terdiri dari 10,139 hektar kelapa sawit, 4,013 hektar koko, 1,053 hektar getah dan 190 hektar teh. Menjelang akhir tahun 1991, seluas 3,126 hektar lagi dijangka akan ditanam dengan 3,096 hektar kelapa sawit dan 30 hektar kopi.

Sementara itu, keluasan tanah yang telah diusahakan oleh FELDA di Sarawak ialah seluas 7,997 hektar bagi pnanaman kelapa sawit di kawasan rancangan Sampadi.

- (b) Semua kawasan yang dimajukan itu tidak diambil oleh SALCRA, hakmilik ke atas tanah tetap tidak berubah apabila pemiliknya menyertai projek pembangunan SALCRA.

SALCRA mengamalkan konsep pembangunan in situ yang melibatkan pembangunan sesuatu kawasan yang sesuai berdasarkan permintaan dan jemputan pemilik tanah oleh kerana SALCRA tidak mengambillah hakmilik tanah yang dimajukan, soal pembayaran gantirugi tidak timbul.

Begitu juga kawasan tanah yang dimajukan oleh FELDA tidak melibatkan kawasan tanah hakmilik individu tetapi kawasan hutan yang telah diluluskan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk dimajukan. Oleh itu, soalan berkenaan bayaran gantirugi tidak timbul.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan yang pertama, mengikut kadar pembangunan FELDA di seluruh negara, adakah pembangunan FELDA di Sarawak itu didapati terlambat ataupun begitu lambat sedikit dan apakah sebab-sebabnya? Yang kedua, adakah rancangan-iancangan untuk mengatasi masalah-masalah yang tersebut?

Tuan Mohd. Yasin bin Kamari:

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rancangan FELDA di Sarawak dijalankan mengikut program; tidak lambat dan tidak cepat. Terima kasih.

CUTI UMUM DAN Hujung MINGGU—PENYELARASAN

5. Tuan G. Palanivel minta Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan serta Kementerian Pendidikan dalam menyelaraskan cuti umum dan hujung minggu bagi mewujudkan hujung minggu yang panjang, demi untuk meningkatkan pelancongan tempatan. Hujung minggu yang panjang membolch dan menggalakkan orang ramai untuk melawat tempat-tempat pelancongan tempatan yang menarik.

Setiausahaia Parlimen Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan (Dato¹ Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan percaya bahawa penyelarasan cuti umum dan hujung minggu yang panjang adalah berpotensi untuk menggalakkan pertumbuhan industri pelancongan tempatan.

Untuk mencapai hasrat ini Kerajaan umpamanya telah membuat keputusan bahawa Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang

di-Pertuan Agong yang ditetapkan pada hari Rabu pertama bulan Jun setiap tahun, dipinda kepada hari Sabtu yang pertama dalam bulan Jun mulai tahun 1992. Kerajaan-kerajaan Negeri juga telah diminta menimbangkan supaya Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan dan Hari Kelahiran Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri-Negeri dipinda kepada hari Sabtu. Kerajaan juga mencadangkan kepada Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan supaya Hari Perayaan Pekerja-pekerja yang jatuh pada 1 Mei tiap-tiap tahun dipinda kepada hari Sabtu yang pertama dalam bulan Mei untuk seluruh negara mulai tahun 1992.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Disebabkan Kerajaan begitu menggalakkan pelancongan dalam negeri maka adakah rancangan Kerajaan untuk menimbang supaya kita mengadakan dua hari kelepasan bagi pekerja-pekerja di negara ini? Dengan cara tidak langsung adakah Kerajaan mahu mengamalkan dasar bekerja lima hari dalam seminggu.

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional bertanggungjawab maka dalam sudut perkiraan cuti hujung minggu kita mengambilkira semua aspek indusui, tidak semestinya industri pelancongan sahaja, kerana industri-industri lain juga adalah penting. Oleh itu setakat ini Kerajaan tidak akan menimbangkan supaya cuti dua hari dalam satu minggu.

PROJEK HIDRO PERGAU— KONTRAK

6. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kontraktor yang terbabit dengan pembinaan

Empangan Hidro Elektrik Pergau di Kelantan termasuk kontraktor dari luar negeri dan tempatan; dan

- (b) berikan nama kontraktor-kontraktor lerbabit dan sekiranya kontraktor luar negeri lebih ramai dari kontraktor tempatan, mengapa ianya berlaku.

14. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan perkembangan pembinaan projek hidro elektrik Pergau di Kelantan. Sila terangkan perjanjian dan syarat-syarat yang dipersetujui antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan Kerajaan negeri yang terbabit.

10.12.91

17. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sejauhmana persetujuan dicapai dengan Kerajaan Negeri Kelantan dalam pembinaan projek Pergau dan bolehkah Dewan ini mengetahui persetujuan itu. Apakah persetujuannya;
- (b) apakah jaminan bahawa orang tempatan diberi keutamaan dalam menjayakan projek tersebut dan sila sebutkan bilangan syartkat yang dimiliki oleh orang Kelantan dan yang bukan orang Kelantan yang sudah dikenalpasti diberi peluang menjayakan kerja-kerjanya;
- (c) jika penglibaian orang luar Kelantan menjadi pilihan apakah sebab-sebab ia tidak diberi kepada orang Kelantan; dan
- (d) sejauhmana Kerajaan Negeri Kelantan boleh campur dalam urusan mendapatkan peluang .kontrak.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan No. 14 dari Yang Berhormat dari Bachok pada hari ini dan soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai pada 10hb Disember 1991 kerana menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontrak membina Projek Hidro Pergau secara complete turnkey telah ditawarkan kepada satu kontraktor sahaja iaitu Kerjaya Balfour Beatty Cementation Sdn. Bhd. atau ringkasnya KBBC. Kontraktor utama tersebut telah melantik sebanyak 36 sub-kontraktor untuk kerja-kerja pembinaan.

Soalan (b) Ahli Yang Berhormat dari Tumpat tidak berbangkit kerana daripada 36 sub-kontraktor ini, 33 adalah kontraktor tempatan dan hanya 3 sahaja dari luar negeri. Memandangkan senarai nama sub-kontraktor adalah terlalu panjang, saya tidak bercadang untuk menyebut satu persatu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perjanjian dengan Kerajaan Negeri Kelantan, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok dan Yang Berhormat dari Kuala Krai, setakat ini beberapa perbincangan antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan Kerajaan Negeri Kelantan telah diadakan. Walau bagaimanapun, keputusan muktamad belum dicapai. Dari segi pelaksanaan kerja-kerja fizikal, setakat ini pihak KBBC telahpun melaksanakan 5% kerja-kerja fizikal seperti pembinaan terowong masuk ke stesen janakuasa, terowong diversion (diversion tunnel), dengan izin, jalan masuk ke tapak projek, pejabat, stor dan woksypop.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembahagian kerja sub-kontraktor kepada kontraktor-kontraktor dari Kelantan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai, suka saya memaklumkan bahawa mengikut syarat-syarat kontrak yang ditawarkan kepada kontraktor utama, kontraktor tersebut dikehendaki memberi keutamaan kepada kontraktor-kontraktor tempatan khususnya dari negeri Kelantan.

Kontraktor utama telah cuba mematuhi syarat-syarat tersebut sejauhmana yang boleh. Daripada 33 sub-kontraktor sebanyak 13 adalah dari negeri Kelantan. Jumlah harga sub-kontrak yang ditawarkan oleh KBBC kepada kontraktor-kontraktor tempatan ialah \$45.04 juta dan \$9.22 juta daripadanya ialah ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor dari Kelantan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria pemberian kerja-kerja kepada sub-kontraktor oleh kontraktor utama bergantung antara lain kepada pengalaman dan kemampuan untuk menjalankan kerja-kerja.

Memandangkan pemilihan sub-kontraktor oleh kontraktor utama projek berasaskan kepada komersial dan kemampuan untuk melaksanakan projek adalah tidak wajar mana-mana pihak juga masuk campur di dalam urusan pemilihan tersebut.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai rundingan dengan Kerajaan Kelantan yang dikatakan belum selesai. Apakah perkara-perkara yang dituntut oleh Kerajaan Kelantan sehingga rundingan itu belum selesai?

Perkara yang kedua, apakah Yang Berhormat sedar iaitu selama ini Kerajaan Kelantan mengatakan bahawa Kerajaan Pusat menyekat projek-projek

pembangunan Kelantan dan sekarang ini projek hidro elektrik ini telah diteruskan. Oleh itu, adakah Yang Berhormat sedar, sebab ada kempen-kempen di kampung-kampung yang dibuat oleh ketua-ketua ranting PAS di peringkat bawahan yang tidak tahu hujung pangkalnya mengatakan projek ini adalah projek Kerajaan PAS.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perbincangan di antara Tenaga Nasional dan Kerajaan Negeri Kelantan belum lagi selesai, saya tidak bercadang untuk menyebut satu persatu masalah yang timbul kerana tidak rnhu mengusulkan lagi keadaan.

Perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, sebenarnya Kerajaan Barisan Nasional melalui Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos meneruskan usaha untuk membangunkan ataupun membina Projek Pergau di Kelantan tetapi yang menjadi masalah adalah kerana tuntutan daripada Kerajaan Negeri Kelantan supaya kerja-kerja kontrak diberikan kepada kontraktor tempatan dan perkara seumpama ini tidak berbangkit di negeri-negeri lain apabila Tenaga Nasional mewujudkan projek ataupun membina projek-projek seumpama ini. Bagaimanapun oleh kerana Tenaga Nasional berhasrat untuk melaksanakan juga projek ini di Kelantan, kita akan cuba sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah ini secara yang terbaik.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa sehingga kini banyak rundingan telah dibuat dengan pihak Kerajaan Negeri berhubung dengan projek hidro elektrik ini. Soalan saya kalau peringkat rundingan maknanya tidak ada suatu perjanjian muktamad ditandatangani tetapi mengapa baru-baru ini Menteri Kementerian yang

berkenaan telah membuat kenyataan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan telah pecah syarat dan terpaksa menanggung gantirugi kepada pihak Kerjaya Balfour dan Tenaga Nasional. Apakah kenyataan ini adalah suatu kenyataan yang merupakan ugutan. Bukankah ini suatu niat yang jelas bahawa Kementerian berkenaan khususnya Menteri berkenaan untuk mengusutkan lagi suasana yang lelahpun kusut dengan mengugut Kerajaan Kelantan untuk membawa ke mahkamah dan sebagainya. Ttu yang pertama.

Yang kedua, kalaulah perjanjian itu belum ditandatangani, mengapa pihak TEN telah menandatangani perjanjian dengan Kerjaya Balfour Cementation Sdn. Bhd. (KBBC) sedangkan perjanjian asal antara Kerajaan Negeri Kelantan dengan pihak Tenaga Nasional masih belum ditandatangani tetapi mendahului perjanjian itu, pihak Tenaga Nasional telahpun menandatangani perjanjian dengan KBBC dan memulakan kerja-kerja. Bukankah ini suatu halangan yang boleh mengusutkan lagi suasana?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Projek Pergau ini sebenarnya telahpun dibincangkan sebelum PAS dan Semangat 46 menang di Kelantan. Jadi projek ini telah dibincangkan dan apabila Kerajaan British memberi pinjaman berjumlah £304 juta dengan kadar faedah .809% setahun maka projek ini perlu dilaksanakan dengan segera. Oleh kerana ini adalah syarat-syarat yang telahpun dibincang sekian lama di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan British.

Tuan Yang di-Pertua, apabila perkara ini telah beres di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Inggeris, maka timbul pula masalah yang dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan kita tidak dapat menunggu oleh kerana perkara ini telahpun diperbincangkan di antara

Kerajaan Pusat dengan Kerajaan British sebegitu lama. Dan kita hanya mengharapkan supaya perkara ini dapat dibereskan kerana perkara yang menjadi halangan hanyalah masalah yang pada Kementerian dan Tenaga Nasional merupakan masalah yang kecil yang boleh diperbereskan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya cuma mengharapkan pada Ahli Yang Berhormat supaya dapat memberi pandangan dan panduan kepada Kerajaan Negeri supaya kita bekerjasama untuk menyelesaikan masalah ini.

Dari segi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan ugutan yang kononnya dibuat oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Telekom dan Pos sebenarnya ia bukan satu ugutan, tetapi satu 'reminder' kerana seandainya perkara ini tidak dapat dibereskan dan KBBC mengambil tindakan mahkamah kepada Kerajaan Pusat, maka sudah tentulah Kerajaan Pusat terpaksa pula mengambil tindakan mahkamah kepada pihak-pihak yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Malek Munip.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Abdul Malek Munip tidak Hadir)

**JALAN KAMPUNG NANAS,
BUKIT TENGAH, BUKIT
MERTAJAM—MEMPERBAIKI**

8. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) adakah benar bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengemukakan projek mengetar Jalan Kampung Nanas, Bukit Tengah, Bukit Mertajam untuk pertimbangan Kerajaan Pusat di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Jika ya, adakah projek ini sudah diluluskan. Jika ya,

sila beritahu perbelanjaan projek ini dan bilakah projek ini akan dimulakan. Jika tidak diluluskan, mengapa; dan

- (b) adakah benar bahawa Kementerian Pengangkutan telah merujuk masalah kesesakan Lalulintas di dua lintasan rata awam keretapi di Bukit Mertajam dan cadangan untuk menyelesaikannya kepada Kementerian Kerja Raya. Jika ya, sila beritahu apakah cadangan itu dan sama ada projek-projek berkenaan akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam memandangkan masalah itu kini sudah sampai ke tahap yang amat serius; jika ya, bilakah projek-projek itu akan dimulakan. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Kampung Nenas, Bukit Tengah, Bukit Mertajam adalah jalan luar bandar dan di bawah bidangnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Walau bagaimanapun, adalah difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada mengemukakan permohonan mengemukakan dan memperbaiki jalan ini melalui Kementerian tersebut. Akan tetapi, permohonan tersebut tidak dapat diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keenam oleh kerana sebahagian besar peruntukan untuk membina jalan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang telah diluluskan untuk negeri Pulau Pinang ialah bagi menyiapkan projek-projek sumbangan Rancangan Malaysia Kelima.

- (b) Mengenai cadangan pembinaan jejambat untuk mengatasi kesesakan Lalulintas di dua lintasan keretapi di Bukit Mertajam itu, ianya telahpun dikemukakan oleh Kerajaan negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan ini hanya dapat dikaji semasa Kajian Separuh Penggal kelak.

ELAUN GURU YANG MENGAJAR AL-QURAN

9. Tuan Saidin bin Adam minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah benar Kerajaan akan membayar elaun kepada guru-guru yang mengajar mengaji Al-Quran;
- (b) jika benar, bilakah ianya akan diadakan dan apakah syarat* syarat yang perlu dipenuhi oleh guru-guru tersebut untuk melayakkan mereka dibayar elaun.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan mulai tahun 1990 ada memperuntukkan bantuan wang kepada pihak berkuasa agama Islam negeri-negeri bagi memperluas dan mempergiatkan program pengajian Al-Quran dan Fardhu Ain kanak-kanak sekolah rendah. Bantuan wang itu adalah untuk menampung keperluan kewangan pihak-pihak berkuasa yang mengendalikan program ini bagi membayar claun kepada guru-guru. Pihak berkuasa agama Islam negeri-negeri yang mengendalikan program itu menetapkan syarat kelayakan guru-guru dan mereka juga membuat perlantikan. Pada amnya, guru-guru yang dilantik adalah mereka yang berkebolehan mengajar Al-Quran

kepada kanak-kanak dan memberi pendidikan agama tentang fardhu Ain.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengetahui berapakah jumlah bantuan kewangan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan selama ini bagi membantu guru-guru yang mengajar Al-Quran sebagaimana yang disebutkan tadi. Perkara yang kedua, apakah langkah yang telah diambil untuk membantu guru-guru Al-Quran di negeri Kelantan yang telah dipecat oleh Kerajaan PAS yang berselerak di Kelantan dan memandangkan bahawa tugas fungsi dan peranan mereka begitu penting, apakah mereka akan diiktirafkan nanti oleh pihak Kerajaan Pusat bagi bolehkah mereka meneruskan tugas-tugas mereka sebagai guru Al-Quran?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, bagi tahun 1990, sebanyak \$20 juta telah diperuntukkan dan bagi tahun 1991 sebanyak \$22.6 juta telah diperuntukkan di bawah perkara ini. Mengenai soal yang kedua, telah saya nyatakan dengan jelas bahawa soal perlantikan, pemilihan dan semua itu adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri dan amalan-amalan biasa yang ditetapkan itu akan diteruskan oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mendapat maklumat bahawa oleh kerana kelas Al-Quran ini diadakan di sekolah-sekolah dan yang mengajarkannya adalah daripada pihak Jabatan Agama ianya menimbulkan banyak kekeliruan dan kekecohan, terutama oleh kerana tidak ada penyelarasan antara pihak Jabatan Agama dengan pihak sekolah. Saya ingin mengetahui sama ada Kerajaan bercadang untuk menyemak dan menyusun semula sepertimana me-

nempatkan kelas pendidikan Al-Quran ini dipertanggungjawabkan kepada pihak sekolah.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soalnya mungkin berbeza. Kelas pendidikan Al-Quran dan Fardhu Ain ini dijalankan atau dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Memang ada cadangan, dan ini telahpun dijalankan di setengah-setengah tempat bagi pemindahannya daripada masjid ke sekolah-sekolah. Memang kita akan mengadakan penyelarasan dengan Kementerian Pendidikan bagi kita gunakan sekolah iaitu tempat yang lebih sesuai kerana anak-anak yang belajar di masjid itu memang tidak ada kemudahan yang khusus dan terpaksa kadang-kadangnya meniarap membaca Al-Quran dan sebagainya. Sebab itu kita merancang dan insya Allah rancangan ini akan dijalankan bersama dengan Kementerian Pendidikan agar kesesuaian itu diatur bagi membolehkan anak-anak yang mempelajari Al-Quran dan Fardhu Ain ini mendapat kesesuaian yang baik demi kepentingan mereka untuk masa depan.

HARGA SAHAM DI BURSA SAHAM KUALA LUMPUR

10. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab kejatuhan harga saham di BSKL sekarang. Benarkah dakwaan setengah pihak bahawa kejatuhan tersebut adalah akibat beberapa kenyataan Menteri Kewangan sekarang yang dikatakan tidak disenangi oleh sebilangan pelabur di negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman); Tuan Yang di-Pertua, jawapan berkaitan dengan bahagian pertama soalan ini, iaitu sebab-sebab kejatuhan harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur, telahpun dibuat pada 28hb November,

1991, iaitu semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat daripada Tanjong Karang. Oleh itu, saya tidak bercadang mengulangi jawapan itu. Saya bercadang menjawab bahagian kedua pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong.

Tidak dapat sebarang asas untuk menyokong dakwaan bahawa keadaan pasaran saham sekarang adalah akibat beberapa kenyataan dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Malahan, dakwaan seperti ini adalah sungguh tidak adil memandangkan langkah-langkah yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mewujudkan satu suasana bagi menggalakkan pelaburan dan memperkukuhkan prestasi ekonomi negara.

Strategi Belanjawan 1992 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini adalah bertujuan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi berterusan dengan harga yang stabil, memperkukuhkan imbalan pembayaran, menggalakkan tabungan dan memperkukuhkan ketahanan ekonomi negara.

Berkaitan dengan strategi ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun mengkaji semula galakan pelaburan dengan tujuan untuk menambahkan kecekapan syarikat-syarikat yang mampu untuk bersaing di pasaran antarabangsa serta membantu peralihan industri yang lebih canggih dari semua aspek.

Yang Berhormat Menteri juga telah mencadangkan beberapa langkah untuk menggalakkan perkembangan pasaran saham, termasuk penyusunan semula sistem pentadbiran dan penyelarasan pasaran itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu adalah tidak adil sama sekali sekiranya Yang Berhormat Menteri Kewangan dijadikan sasaran untuk menjelaskan keadaan pasaran sekarang.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, selain daripada faktor-faktor yang mengakibatkan saham-saham di BSKL lurun, adakah kenyataan oleh sesetengah pakar BSKL (analysts) tepat iaitu saham-saham pada umumnya tidak akan memulih sebab di antaranya CIC telah membenarkan terlalu banyak syarikat disenaraikan di BSKL dengan begitu mudah dan yang kedua terlalu banyak syarikat dibenarkan juga mengadakan rights issue exercise, dengan izin, yang mengakibatkan money being sucked from the economy, dengan izin. Adakah kenyataan ini tepat dan kalau tidak, sila beri penjelasan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan itu adalah tidak tepat sama sekali bahkan seperti yang pernah saya hujahkan di Dewan ini selepas pasaran saham Kuala Lumpur terpisah dengan pasaran saham Singapura maka di antara langkah yang dibuat oleh pihak Kerajaan melalui CIC ialah untuk melebarkan lagi capitalisation, dengan izin, pasaran saham kita sehinggakan berkembang pada jumlah \$1.6 bilion.

Selain daripada itu, kita juga mengizinkan pihak pelabur supaya mendapat pilihan yang berbagai-bagai, stok dan sahatn daripada berbagai-bagai sektor dan industri sehinggakan memberi pilihan yang bermacam-macam untuk masyarakat pelabur sama ada daripada luar negeri dan dalam negeri.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba masanya unkluk kita melihat secara objektif bahawa nisbah harga dengan earning, dengan izin, price over earning ratio berdasarkan kepada langkah-langkah yang dibuat oleh CIC adalah menuju kepada satu tahap yang lebih objektif lagi. Oleh

yang demikian, saya lebih rela dan cenderung untuk berhujah dengan mengatakan bahawa langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan melalui CIC dengan penyenaian yang lebih banyak lagi syarikat-syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur membawa kepada suasana yang lebih matang lagi dalam pasaran kita.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa adalah tidak adil untuk pihak-pihak yang menaburkan fitnah sehingga membawa kepada prestasi Bursa Saham di negara ini tetapi pada waktu yang sama juga, kita mengakui bakikat bahawa kumpulan yang menyebarkan berita yang tidak tepat ini memang wujud.

Jadi, saya ingin mendapat tahu dari Timbalan Menteri Kewangan, apakah pihak Kerajaan akan mengusahakan bentuk economic 'psy-war', dengan izin, ataupun perang saraf untuk memperbetulkan mentality pihak-pihak yang memang sengaja menyebarkan fitnah untuk melihat keruntuhan prestasi saham di negara ini sekarang?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak memulakan langkah itu, maka sebaiknya kita mulakan di Dewan yang mulia ini.

Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan kepada semua pihak khususnya dari ahli-ahli Pembangkang supaya membicarakan dengan betul teniang suasana yang ada pada pasaran saham Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ghazali bin Ahmad.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad tidak hadir)

AGENSI JAMINAN PELABURAN PELBAGAI HALA BANK DUNIA

12. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah manfaat yang diperolehi sebagai Ahli Agensi Jaminan Pelaburan Pelbagai Hala (MIGA) Bank Dunia; dan
- (b) apakah Malaysia sudah menjadi ahli badan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Tuan Mustapa bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Agensi Jaminan Pelaburan Pelbagai Hala atau MIGA adalah sebuah badan gabungan Bank Dunia. Ia adalah sebuah agensi insurans antara-bangsa yang berfungsi untuk memberi perlindungan melalui jaminan-jaminan kepada pelabur daripada menghadapi risiko yang bercorak bukan, dengan izin, commercial. MIGA ditubuhkan pada tahun 1988 dan setakat ini 101 buah negara telah bersetuju menjadi ahli badan tersebut.

Malaysia dijangka menjadi ahli MIGA pada akhir tahun ini. Sebenarnya segala urusan untuk melayakkan Malaysia menjadi ahli sudahpun selesai dan kini kita hanya menunggu masa. Dengan menjadi ahli, negara akan dapat menarik lebih banyak pelaburan dari luar negeri kerana pelabur-pelabur asing di negara kita akan mendapat insurans daripada risiko-risiko bukan bercorak 'commercial' seperti risiko sekatan pemindahan matawang asing, risiko kehilangan hak milik, risiko akibat daripada peperangan dan kekacauan awam dan juga risiko tidak mematuhi syarat-syarat sebarang perjanjian negara ahli tuan rumah. Penyertaan Malaysia di dalam MIGA adalah sejajar dengan dasar Kerajaan

untuk menarik pelabur-pelabur dari luar negeri.

Dengan menjadi ahli, pelabur-pelabur Malaysia yang akan melabur di negara-negara ahli MIGA juga akan mendapat perlindungan bersifat bukan 'commercial' seperti yang saya sebutkan tadi.

PEKERJA ASING DI MALAYSIA

13. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah pekerja asing mengikut pccahan negara asal mereka yang terdapat dalam negara ini; dan
- (b) nyatakan bilangan pekerja asing mengikut sektor dan jenis pekerjaan,

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, jumlah pekerja asing yang telah dibenarkan bekerja di negara ini sehingga Oktober 1991 adalah seramai 28,612 orang. Mereka ini adalah seperti berikut:

<i>Warganegara</i>	<i>Bilangan</i>
Pilipina	6,460 orang
Indonesia	16,950 orang
Thailand	3,256 orang
Bangladesh	1,946 orang

Bilangan pekerja asing mengikut sektor dan jenis pekerjaan adalah seperti berikut:

<i>Warganegara</i>	<i>Sektor</i>	<i>Bitangan</i>
Indonesia	Perkhidmatan	565 onuig
	pembantu rumah	
	Pertadangan atau bumh ladang	15,385 orang
Pilipina	Perkhidmatan	6,460 orang
	pembantu rumah	
Thailand	Buruh ladang	2,805 orang
	Buruh binaan	457 orang
Bangladesh	Bumh ladang	1,946 orang

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, bilangan 28,000 lebih yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu mungkin adalah bilangan yang ada dalam rekod pihak Kementerian tetapi apa yang kita tahu, masalah ataupun kedudukan pendatang asing ini adalah jauh lebih ramai dari itu terutamanya mereka yang datang tanpa izin. Saya ingin tahu berapakah jumlah sebenarnya pekerja-pekerja asing yang datang ke negara ini secara tanpa izin selain daripada yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Saya ingin tahu apakah tindakan Kerajaan yang telah diambil bagi pekerja-pekerja asing yang ada bekerja di lain bidang yang telah diluluskan oleh Kerajaan iaitu dalam bidang pertanian, sebagai pembantu rumah dan lagi satu dalam bidang binaan. Jadi, kita lihat ramai lagi pekerja-pekerja dalam bidang kedai, restoran, ada yang berniaga termasuk di Chow Kit Road. Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sehingga ke hari ini belum ada sesiapa pun di negara kita ini yang boleh dapat memberitahu saya berapakah bilangan rakyat tanpa izin yang datang ke negara ini. (*Ketawa*) Oleh kerana mereka datang dengan tanpa izin (*Ketawa*) jadi, bagaimanakah kita hendak tahu? Itu yang kedua.

Disebabkan oleh masalah yang telah wujud sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadilah maka pihak Kabinet ialah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet Terhadap Pendatang Tanpa Izin yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan kita telahpun mengarahkan agar semua pekerja-pekerja asing tanpa izin di negara ini mendaftarkan diri secepat yang mungkin.

Diharapkan dengan pendaftaran ini, kita dapat mengetahui bilangan yang

sebenarnya dan kita hanya akan membenarkan mereka bekerja dalam sektor ladang, sektor pembinaan dan sektor pembantu rumah. Bagi mereka yang terlibat dengan tugas-tugas lain daripada yang tiga ini, mereka akan dihantar pulang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob. Soalan telah dijawab.

SENJATAPI—LESEN YANG DIKELUARKAN.

15. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah lesen senjatapi yang telah dikeluarkan kepada orang-orang perseorangan dan juga syarikat-syarikat keselamatan setakat ini;
- (b) apakah kriteria-kriteria yang diambil kira sebelum lesen-lesen ini diluluskan; dan
- (c) berapakah jumlah kes penyalahgunaan hak ke atas pemilikan senjatapi-senjatapi ini yang telah dikenalpasti dan apakah tindakan Kerajaan terhadap penyalahgunaan ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) jumlah lesen senjatapi yang telah dikeluarkan kepada orang perseorangan dan syarikat-syarikat keselamatan setakat ini ialah sebanyak 78,273 lesen.
- (b) Kriteria-kriteria yang diambil kira sebelum Icsn ini diluluskan ialah seperti berikut:
 - (i) pemohon hendaklah bersih dari tapisan Jabatan Siasatan Jenayah dan Cawangan Khas Polis;

- (ii) pemohon hendaklah sihat dan layak dari segi emosi, mental dan fizikal untuk menggunakan senjata;
 - (iii) pemohon hendaklah mempunyai sifat dan perangai yang baik dan keempat, pemohon hendaklah mempunyai asas keperluan memiliki senjata.
- (c) Setakat ini jumlah kes penyalahgunaan hak ke atas pemilikan senjata ialah sebanyak 739 kes, Tindakan membatalkan lesen kepada pelesen-pelesen berkenaan telahpun diambil.

Tuan Haji Isbak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jumlah lesen senjata yang telah dikeluarkan kepada orang-orang perseorangan, berapa banyakkah yang telah dikeluarkan kepada pihak peniaga atau golongan perniagaan kerana saya mendapat maklumat golongan-golongan ahli-ahli perniagaan amat mudah memperolehi lesen senjata.

Soalan kedua, sehingga setakat manakah kemudahan-kemudahan telah diberi kepada ahli-ahli Persatuan Menembak untuk memperolehi lesen senjata kerana ada pihak yang mengatakan bahawa jika ingin memperolehi lesen senjata hendaklah masuk Persatuan Menembak.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah 78,273 lesen ini, kita ketahui lebih kurang 25,000 adalah kepada ahli-ahli RELA dan selebihnya itu kebanyakannya adalah kepada syarikat-syarikat keselamatan dan bagi ahli-ahli perniagaan, saya tidak mempunyai angka yang tepat tetapi ada ahli-ahli perniagaan yang mempunyai lebih daripada satu senjata oleh kerana kebanyakan ahli-ahli perniagaan ini,

seperti mana Yang Berhormat telah mengaiakan tadi juga adalah menjadi ahli kepada Persatuan Menembak. Kalau sekiranya didapati bahawa seseorang itu mempunyai kebolehan menembak, dia menjadi ahli pula kepada Persatuan Menembak. Maka pihak Polis akan memberi kelonggaran untuk mereka mendapatkan lesen-lesen senjata.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, di antara orang-orang perseorangan yang mendapat senjata ini termasuklah Wakil-wakil Rakyat iaitu sama ada Ahli Dewan Rakyat ataupun Ahli Dewan Negara atau Wakil-wakil Rakyat Negeri. Saya ingin mengetahui berapakah jumlah lesen senjata yang telah dikeluarkan, kalau ada angka, termasuklah kepada pihak Pembangkang terutamanya. Saya ingin tahu masalah senjata yang diberi kepada Wakil-wakil Rakyat ini kerana kita tahu dalam Pembangkang ini, suasananya sentiasa beremosi. Walaupun tujuannya baik tetapi saya bimbang dan takut ianya disalahgunakan. (*Ke(awa)*)

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada Wakil Pasir Mas, saya tidak mempunyai angka tersebut. Bagaimanapun, kesemua Wakil Rakyat walau Pembangkang ataupun penyokong Kerajaan adalah diberi keutamaan untuk mendapatkan senjata.

INSIDER TRADING

16. Dr Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Kewangan menyatakan langkah dan tindakan Kementerian bagi membanteras "insider trading" yang difahamkan berlaku berleluasa dalam institusi perniagaan saham khususnya dalam anak-anak syarikat Bank Bumiputra.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, perdagangan dalaman (insider trading) adalah uruniaga saham sesebuah syarikat yang berkenaan dengan menggunakan maklumat dalaman yang sensitif kepada harga saham itu yang diperolehi oleh "orang dalam" syarikat itu. Perdagangan dalaman merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 90, Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan sesiapa yang didapati bersalah di bawah seksyen ini boleh dikenakan denda tidak kurang daripada \$50,000 dan hukuman penjara tidak melebihi tujuh tahun.

Pejabat Pendaftar Syarikat, melalui Unit Penguatkuasaan Sekuritinya, dengan kerjasama Bursa Saham Kuala Lumpur, telah memberikan tumpuan khusus sejak tahun 1989 di dalam membanteras kegiatan perdagangan dalaman di pasaran saham. Untuk tujuan tersebut, langkah-langkah berikut telah, sedang dan akan terus dilaksanakan:

- (i) meneliti pergerakan harga saham melalui terminal "MASA" dan laporan pasaran harian yang dikemukakan oleh Bursa Saham Kuala Lumpur;
- (ii) meneliti setiap pengumuman yang dibuat oleh syarikat-syarikat berhad, antaranya termasuk pengumuman pengambilalihan syarikat, kontrak-kontrak besar dan laporan kewangan;
- (iii) berurusan terus dengan BSKL untuk mendapatkan maklumat dan bantuan lain secara serta-merta sekiranya didapati pergerakan 'volume' jual/beli dan 'harga' pasaran berubah secara luar biasa;
- (iv) membuat pemeriksaan mengejut dan menyeluruh terhadap syarikat-syarikat di mana saham-sahamnya dipercayai terlibat dengan perdagangan dalaman;

(v) mendapatkan senarai mengenai butir-butir jual-beli saham mengenai pembeli, penjual, jumlah syer, harga dan lain-lain daripada semua syarikat broker saham; dan

(vi) bagi perniagaan syer yang dibuat atas nama 'nominee' maklumat-maklumat lanjut mengenai penjual-pembeli sebenarnya akan diperolehi.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang mempunyai maklumat yang tertentu mengenai perdagangan dalaman yang dikatakannya berlaku dengan berleluasa dalam institusi perniagaan saham, saya merayu Yang Berhormat untuk melaporkan perkara ini kepada Pejabat Pendaftar Syarikat untuk membolehkan tindakan selanjutnya untuk diambil.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi menjelaskan bahawa kita mempunyai suatu Akta iaitu Akta Sekuriti 1983 untuk menguruskan perkara penyelewengan di dalam insider trading ini. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, berapa orang setakat ini yang sudah ditangkap dan didakwa di bawah Akta Sekuriti 1983 ini dan sama ada peruntukan denda yang ada sekarang ini mencukupi oleh kerana memandangkan bahawa faedah monetary daripada perbualan ini adalah jauh lebih tinggi daripada denda yang harus dibayar.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada peruntukan undang-undang, kesalahan yang berbentuk perdagangan dalaman belum ada lagi kes yang ditentukan oleh pihak mahkamah. Seperti yang saya huratkan sebentar tadi, perkara-perkara yang perlu diselidik secara terperinci sebagai maklumat dan bukti perlu dikumpulkan bukanlah satu perkara yang mudah.

Oleh yang demikian sehingga sampai sekarang belum lagi ada kes-kes untuk mengatakan bahawa ada perdagangan dalaman (insider trading) yang ditentukan oleh pihak mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada hukuman yang diperuntukkan oleh undang-undang itu memadai berbanding dengan keuntungan yang boleh didapati oleh seseorang daripada penyelewengan dalam bentuk perdagangan dalaman, kalau hendak dibandingkan di antaranya mungkin agak benar apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu. Dalam hal ini kita mengambil perhatian terhadap perkara yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sebeniar tadi.

TABUNG PEMULIHAN USAHAWAN

17. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Kewangan tnyatakan berapakah jumlah usahawan yang telah mendapat faedah dari Tabung Pemulihan Usahawan, sejauh manakah kejayaan untuk memulihkan usahawan tersebut?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjawab soalan ini pada 6hb November, 1991 semasasaya menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam dan saya tidak ada tambahan untuk menjawab soalan pada hari ini.

KAD KREDIT DAN KAD CAJ— PENGGUNAAN

18. Lt. Kol (B) Ibrahim bin Sareh minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Bank Negara untuk mengemaskinikan kawalan pengeluaran kad kredit supaya ia hanya dikeluarkan kepada pengguna-

pengguna yang benar-benar layak dari segi 'credit standing'nya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan kad kredit dan kad caj di kalangan masyarakat pada masa ini adalah tidak dapat dielakkan kerana ianya merupakan suatu perkhidmatan yang diwujudkan untuk kemudahan orang ramai. Sungguhpun begitu Kerajaan juga sedar bahawa penggunaan kad kredit dan kad caj boleh memberi kesan ke atas inflasi dan juga menimbulkan beban hutang kepada pengguna-pengguna sekiranya mereka membuat perbelanjaan secara berlebihan melalui kemudahan kredit yang diberikan kepada mereka.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, pengguna-pengguna perlulah menggunakan kemudahan ini dengan bijaksana dan menggunakannya mengikut kemampuan mereka. Mereka juga perlu sedar bahawa kadar faedah yang dikenakan ke atas baki kredit adalah tinggi iaitu di antara 16% hingga 24% setahun.

Pada masa ini pihak Bank Negara sedang menjalankan kajian yang terperinci mengenai operasi kad kredit dan kad caj di dalam negara kita ini. Oleh itu Kerajaan masih belum mengenakan apa-apa peraturan mengenai pengeluaran dan penggunaan kad kredit dan kad caj di negara ini selain daripada mengawasinya sahaja. Sebarang keputusan untuk mengawal pengeluaran dan penggunaan kad kredit dan kad caj akan dibuat selepas kajian mengenainya selesai dijalankan oleh Bank Negara nanti.

Sungguhpun begitu, Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga dimaklumkan bahawa sebagai langkah awal mengawal perniagaan tanda kredit atau, dengan izin, credit token business yang termasuk kad kredit dan kad caj, Kerajaan telah mengkelaskan per-

niagaan itu sebagai institusi-institusi berjadual di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 di mana mereka dikehendaki berdaTiar dengan Bank Negara dan menyampaikan maklumat-maklumat mengenai perniagaan mereka kepada Bank Negara. Melalui maklumat-maklumat yang diicrima, Bank Negara akan dapat mengikuti perkembangan dalam perniagaan kad kredit dan kad caj.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Nasruddin binb Haji Alang Saidin.

(Soalan NoJ9 Y.B. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng.

(Soalan No. 20 Y.B. Tuan Lim Guan Eng tidak hadir)

KADAR INKLASI

21. Dr Haji Jamaludin bin Haji Jarjis minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kadar inflasi di negara ini 5 tahun yang lalu hingga sekarang;
- (b) apakah perbezaan kadar ini dengan kadar-kadar di negara-negara lain; dan
- (c) apakah usaha-usaha Kerajaan untuk menstabilkan keadaan inflasi di negara ini.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kadar inflasi negara untuk 5 tahun yang lalu hingga sekarang adalah seperti berikut:

1986	-	0.5%
1987	-	0.8%
1988	-	2.5%
1989	-	2.8%
1990	-	3.1%
1991	-	4.4%

(Jan-Sept.)

- (b) Kadar-kadar di beberapa negara lain adalah seperti berikut, untuk tahun 1990:

Indonesia	-	9.9%
Filipina	-	12.7%
Negara Thai	-	6.1%
Singapura	-	3.4%
Amerika Syarikat	-	5.4%
Brazil	-	2,740%

- (c) Usaha-usaha Kerajaan untuk menstabilkan inflasi di negara kita ini adalah melalui dasar kewangan dan fiskal. Di antaranya mengurangkan mudahtunai di pasaran kewangan supaya pertumbuhan bekalan wang dapat dihadkan. Bank Negara juga telah membebaskan kawalan pentadbirannya ke atas kadar faedah pinjaman asas dan membiarkan kuasa pasaran menentukan paras kadar faedah dalam negara dan Bank Negara juga telah mengetatkan syarat-syarat pinjaman sewa-beli yang disediakan oleh institusi-institusi kewangan untuk pembelian kenderaan bermotor. Kerajaan dari segi fiskal mengamalkan dasar berjimat cermat dan seterusnya Kerajaan juga terus mengawal harga barang-barang keperluan serta mengawasi dengan teliti perbekalan barangan-barangan di pasaran.

Dato' Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Apa yang saya mendapat tahu bahawa dalam mengira kadar inflasi ini, tidak ada sebarang perubahan dibuat dari segi skop indeks harga sejak 10-15 tahun yang lalu iaitu tidak memasukkan beberapa faktor seperti kenaikan harga motokar, kenderaan dan sebagainya. Adakah ini benar? Kalau ini benar, adakah Kerajaan bermaksud untuk mengkaji semula faktor-faktor indeks harga yang boleh dimasukkan dalam pengiraan kadar inflasi ini supaya ia menjadi

lebih realistik dengan keadaan perubahan yang berlaku sekarang dt mana apa yang dianggap sebagai suatu luxury pada masa dahulu, sekarang ini sudah dianggap satu kemestian iaitu satu perkhidmatan yang mesli seperti membeli motokar dan sebagainya.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari tentang kemungkinan berubahnya pola penggunaan pengguna-pengguna dalam negara kita. Sama ada dalam bentuk barangan yang dibeli ataupun jenis perkhidmatan yang digunakan.

Oleh yang demikian, pihak Kerajaan melalui Jabatan Perangkaan telahpun membuat satu kajian terhad pada lahun lalu untuk meneniukan weighiage, dengan izin, barang-barang dan jenis-jenis perkhidmatan yang digunakan oleh masyarakat Malaysia. Ini hendak memastikan supaya perkiraan kita tentang Angka Tunjuk Harga adalah benar-benar menggambarkan suasana paras harga.

Daripada kajian yang terhad ttu, Tuan Yang di-Pertua, maka telah dirumuskan bahawa tidak berlaku perubahan dari segi weightage yang telah digunakan. Maka pihak Kerajaan membuat pendirian bahawa bakul yang mengandungi barang-barang dan jenis-jenis perkhidmatan dengan weightage, dengan izin, yang diberikan terhadap barang-barang dan perkhidmaian-perkhidmatan itu sebenarnya menunjukkan pola pengguna-pengguna dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu itu memang disedari oleh pihak Kerajaan telahpun dikaji dengan terperinci dan telahpun dirumuskan mana yang dianggap realistik.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun depan akan dilakukan satu kajian yang lebih menyeluruh untuk menentukan

pola penggunaan masyarakat kita dan saya percaya kajian yang menyeluruh itu akan memberi gambaran tentang kedudukan penggunaan dan paras harga dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Soalan No. 2, 7, 11, 19, 20, 22 hingga 26 adalah diberi di bawah ini).

CUKAI VAT

2. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kedudukan cadangan Kerajaan pada satu ketika untuk memperkenalkan Cukai "VAT".

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Secara ringkasnya cukai pertambahan nilai atau VAT ialah satu jenis cukai tidak langsung yang dikenakan ke atas pertambahan nilai sesuatu barangan atau perkhidmatan disetiap peringkat pengeluaran iaitu di peringkat pengilangan, pemborong dan peruncit. Beban berakhir dan keseluruhan cukai tersebut dipikul oleh pengguna tempatan.

Kerajaan berpendapat cukai pertambahan nilai tidak perlu diperkenalkan pada masa ini.

KES JENAYAH

7. Tuan Abdul Malek Munip minia Mentcri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah dan pecahan kes-kes jenayah yang telah berlaku sepanjang tahun 1990 di Semenanjung. Berapa peratuskah daripadanya yang telah melibatkan pendatang-pendatang tanpa izin dari Indonesia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sepanjang tahun 1990 sebanyak

60,826 kes jenayah telah dilaporkan. Dari bilangan tersebut 8,675 kes adalah merupakan jenayah kekerasan yang merangkumi kes bunuh, cuba bunuh, semua jenis samun, rogol dan mencederakan manusia manakala 52,151 kes adalah merupakan jenayah harta benda yang merangkumi kes pecah rumah dan juga semua kecurian. Dari bilangan kes jenayah tersebut hanya kira-kira 1% sahaja jenayah yang dilakukan oleh pendatang lanpa izin dari Indonesia.

JALAN LUAR BANDAR— MELEBARKAN

11. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah cadangan melebarkan jalan luar bandar yang telah dinaikkan tarafnya dari keadaan sekarang dan bilakah kampung-kampung tradisi akan mendapat sepenuhnya jalan-jalan tar.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (Tuan Mohd. Yassin bin Kamari): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini memang merancang dan melaksanakan kerja-kerja naik taraf jalan termasuk melebarkan jalan di luar bandar. Di bawah Program Jalan Luar Bandar, sejumlah \$463.89 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ke Lima dan \$550.58 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke Enam. Bagi jalan-jalan di kampung-kampung tradisi ianya akan ditarkkan secara berperingkat-peringkat berdasarkan keutamaan dan keupayaan kewangan yang dapat disediakan. Di bawah Program Naik Taraf Jalan Kampung, di bawah Rancangan Malaysia Ke Lima sebanyak \$483.37 juta telah disediakan dan sebanyak \$500.00 juta telah disediakan di dalam Rancangan Malaysia Ke Enam.

LESEN TV—BAYARAN

19. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Penerangan menyatakan apakah yang telah terjadi kepada ura-ura Kerajaan hendak menaikkan bayaran lesen TV daripada \$24 kepada \$36 setahun. Apakah pendapat umum mengenai perkara ini.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Dalam menjawab soalan Yang Berhormat daripada Parit, ingin saya nyatakan di sini bahawa Kabinet dalam mesyuarat pada 22-2-89 telah menimbang masalah kenaikan bayaran lesen TV daripada \$24 kepada \$36 setahun dan memutuskan bahawa bayaran lesen TV baik hitam/putih mahupun yang warna dikekalkan kepada \$24 setahun.

Keputusan Kerajaan ini dibuat setelah mengambilkira pendapat umum yang telah disuarakan baik melalui akhbar mahupun melalui surat atau melalui perbincangan-perbincangan dengan rakyat jelata mengenai masalah ini. Kerajaan mendapati bahawa sebahagian besar daripada rakyat di negara ini yang telah tidak bersetuju bayaran lesen TV ini dinaikkan.

Kementerian telah mengambilkira pendapat umum rakyat jelata terutama masyarakat yang berpendapatan rendah. Berasaskan pendapat umum itu dan beban yang akan ditanggung oleh golongan berpendapatan rendah, Menteri Penerangan telah mengemukakan masalah ini kepada Mesyuarat Kabinet 22/2/89 untuk mendapat pandangan anggota Kabinet samada keputusan Kabinet menaikkan kadar lesen radio dan TV sepertimana yang dibuat pada 4 September, 1985 itu:

- (i) Hendak dinaikkan atau tidak.
- (ii) Dikekalkan kadarnya seperti yang ada sekarang.
- (iii) Dihapuskan sama sekali kadar bayaran lesen radio dan TV.

Setelah menimbang dengan teliti cadangan-cadangan itu Kabinet dalam Mesyuaratnya pada 22.2.89 memutuskan:

- (i) Semua kadar bayaran bagi lesen radio baik untuk kegunaan di rumah ataupun yang digunakan di dalam kenderaan adalah dihapuskan.
- (ii) Kadar bayaran untuk TV baik hitam/putih mahupun warna dikekalkan pada \$24 selahun.
- (iii) Lesen radio baik di rumah atau di kenderaan akan dikeluarkan secara percuma.

(Soalan No. 20. Sila lihat jawapan No. 5 pada 28.10.91)

PELABURAN ASING DI SEKTOR PERKILANGAN

22. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan setakat manakah dan banyak mana pelaburan-pelaburan yang telah dilaburkan di Malaysia setakat Januari 1990 sehingga September 1991 dari negara-negara di bawah:

- (a) United Kingdom;
- (b) Amerika Syarikat;
- (c) German;
- (d) Jepun;
- (e) Taiwan;
- (f) Peranchis;
- (g) Negara-negara Timur Tengah;
- (h) Negara-negara Amerika Selatan; dan

sebutkan bidang-bidang pelaburan dan jumlah semuanya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan S. S. Subramanian): Soalan yang dikemukakan oleh Ahli

Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab oleh Y.B. Timbalan Menteri pada 29.10.91 ketika dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kawasan Kimanis. Jawapan tersebut juga telah meliputi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Klang pada 6.11.1991, dan Y.B. dari Pagoh pada 25.11.1991. Oleh yang demikian saya tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH— PENGUASAAN

23. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) faktor-faktor yang menyebabkan kelemahan tahap pencapaian penguasaan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi di negara ini;
- (b) berapa ramai guru-guru Bahasa Inggeris dari luar negeri yang bertugas di semua sekolah dan pusat pengajian tinggi di negara ini sekarang; dan
- (c) adakah Kerajaan merancang untuk mewujudkan sebuah Pusat Bahasa Antarabangsa di negara ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara punca kelemahan pelajar dalam mata-pelajaran Bahasa Inggeris adalah kerana kurang penggunaan atau amalan berbahasa tersebut di kalangan pelajar-pelajar sama ada di kawasan sekolah atau institusi pengajian tinggi mahupun di luar kawasan sekolah atau institusi pengajian tinggi. Penggunaan atau amalan

berbahasa yang kerap akan dapat meningkatkan kecekapan berbahasa kerana kecekapan berbahasa bergantung rapat kepada kekerapan penggunaannya.

- (b) Kementerian Pendidikan tidak mengambil pensyarah ataupun guru-guru Bahasa Inggeris dari luar negeri untuk mengajar di sekolah-sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan dari semasa ke semasa dengan kerjasama pihak British Council mengambil penasihat-penasihat Bahasa Inggeris dari United Kingdom. Penasihat-penasihat tersebut bekerjasama dengan pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan dalam usaha merancang dan melaksanakan program-program Bahasa Inggeris.
- (c) Sehingga kini Kerajaan belum lagi merancang untuk mewujudkan sebuah Pusat Bahasa Antarabangsa di negara ini.

PEKERJA ASING DI SEKTOR PERLADANGAN DAN PEMBINAAN

24. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapa ramaikan buruh-buruh dan pekerja-pekerja luar negeri yang sedang berkhidmat di Malaysia pada masa ini. Adakah negara kita mengalami masalah kekurangan buruh dan jika benar apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam): Negara kita mengalami kekurangan tenaga kerja di sektor-sektor yang tidak diminati oleh pekerja tempatan seperti sektor perladangan dan pembinaan.

Bilangan sebenar keperluan serta kekurangan tenaga buruh di kedua-dua sektor ini adalah tidak diketahui dengan tepat memandangkan keperluan ini sentiasa berubah dalam keadaan ekonomi semasa yang sedang pesat berkembang. Sebahagian besar kekurangan pekerja di dua sektor ini walau bagaimanapun telah diatasi dengan pengambilan buruh asing dari Thailand, Indonesia dan Bangladesh seramai 41,161 orang. Bagi sektor-sektor yang lain pula, Kementerian Sumber Manusia akan dapat menentukan kekurangan sebenar hanya selepas Jawatankuasa Pengajian pekerja asing yang ditubuhkan oleh Jemaah Menteri baru-baru ini untuk melaksanakan dasar pengambilan pekerja asing mengkaji kekurangan itu.

(2) Untuk mengatasi kekurangan tenaga pekerja di masa kini langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) menggerakkan tenaga kerja dari kawasan yang mempunyai ramai tenaga buruh ke kawasan yang menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja melalui Skim Mobiliti Buruh. Bagi menjayakan Skim ini, majikan-majikan adalah dikehendaki menyediakan kemudahan tempat tinggal dan pengangkutan kepada pekerja-pekerja tersebut.
- (ii) menggesa majikan-majikan memberikan kadar upah dan syarat-syarat pekerjaan yang lebih baik bagi menarik minat mereka untuk bekerja di sektor ladang dan sektor perindustrian.
- (iii) membaiki taraf perumahan pekerja dan kemudahan asas di ladang-ladang untuk meningkatkan taraf kualiti hidup pekerja-pekerja ladang melalui penguatkuasaan Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Asas 1990.

- (iv) membanlu majikan-majikan meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi pekerja ladang menerusi penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas seperti bekalan air, elektrik, sekolah, pusat-pusat kesihatan dan jalanraya di kawasan-kawasan persekitaran ladang.
- (v) menambah kerja lebih masa daripada 64 jam kepada 104 jam sebulan bagi membolehkan majikan-majikan meningkatkan kapasiti pengeluaran melalui syif tambahan.
- (vi) mengecualikan penduduk-penduduk tetap dan pemegang-pemegang Kad Pengenalan Merah daripada mendapatkan permit kerja di bawah Akta Sekatan Kerja 1968.

Adalah menjadi dasar Kerajaan supaya majikan tidak bergantung selama-lamanya kepada pekerja asing dan oleh itu penggajian pekerja asing adalah langkah sementara sahaja. Pengusaha-pengusaha sektor pertanian dan perladangan juga adalah digalakkan supaya berusaha untuk memoden dan meningkatkan penggunaan jentera dalam proses pengeluaran mereka, supaya tidak terlalu bergantung kepada penggunaan tenaga buruh. Di samping itu bagi jangkamasa panjang usaha-usaha telah dan akan terus diambil bagi mewujudkan teknologi dan peralatan yang boleh menjimatkan tenaga buruh.

RANCANGAN PEMBANGUNAN DI KUALA LUMPUR

25. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar pembangunan yang pesat dijalankan di seluruh Wilayah Persekutuan ketika ini telah menimbulkan masalah masyarakat dan politik di kawasan-kawasan perumahan tertentu. Jika sedar

bilakah rancangan Kerajaan untuk mewujudkan satu majlis yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin masyarakat dan politik di Wilayah Persekutuan akan diwujudkan yang di antara lain akan menjadi badan rujuk/nasihat kepada DBKL di dalam usaha-usaha mereka membangunkan kawasan-kawasan perumahan di Wilayah Persekutuan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Pembangunan yang pesat di Kuala Lumpur tidak dapat dielakkan, di mana Kuala Lumpur sebagai pusat pertumbuhan ekonomi negara dan sebagai sebuah ibu negara serta pintu masuk utama kepada pelabur-pelabur asing adalah menjadi faktor kepada pembangunan yang pesat. Kerajaan sedar bahawa pembangunan yang berjalan sedikit sebanyak telah menimbulkan masalah-masalah perbandaran, sosio-ekonomi dan politik. Oleh yang demikian, pihak Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pembangunan Kuala Lumpur untuk memandu serta mengesan program-program dan projek-projek pembangunan yang dijalankan sesuai dengan Dasar Pembangunan Baru Negara.

Di samping itu juga sebuah Majlis Pembangunan Negeri akan ditubuhkan di Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri yang dianggotai oleh Y.B. Timbalan Menteri yang mengawasi pembangunan Wilayah Persekutuan sebagai Pengerusi dan ahli-ahli terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan Kerajaan yang terlibat dengan pembangunan Wilayah Persekutuan. Fungsi Majlis ini ialah:

- (a) menentukan strategi dan pelaksanaan program dan projek pembangunan adalah menepati matlamat-matlamat Dasar Pembangunan Nasional dan Rancangan Malaysia Keenam;

- (b) mengesan dan menilai strategi pelaksanaan program dan projek di bawah Dasar Pembangunan Nasional dan Rancangan Malaysia Keenam;
- (c) menilai kemajuan pelaksanaan program dan projek di peringkat Wilayah Persekutuan; dan
- (d) badan rujuk kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan agensi-agensi yang berkaitan di dalam usaha menyelaraskan pembangunan di Kuala Lumpur.

(Soalan No. 26. Sila lihat jawapan No. 28 pada 11.11.91)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1992

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dan Anggaran Pembangunan 1992 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Ketiga)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, B.12 dan B.13 (Jadual)—

Maksud P.7 dan P.8 (Anggaran Pembangunan 1992)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan semula B.1 hingga B.13 dan P.7 dan P.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk dibahas.

4.09 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Pengerusi, terima kasih saya tidak akan mengambil masa panjang uniuik menutup jawapan saya terhadap tuduhan-tuduhan yang telah dilemparkan kepada saya, sebelum disambung oleh Yang Berhormat Timbaian Menteri di Jabatan Perdana Menteri. . . .

Tuan Lim Kit Siang: On point of order 35(7). Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri sambung dengan apa yang beliau lelah ucapkan semalam dan saya pun ada semak apa yang beliau berucap semalam. Perkara 35(7) yang berbunyi:

"35(7) Seseorang Ahli tidak boleh bercakap berkenaan....."

Tuan Pengerusi: 35(7)?

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 35 seksyen kecil (7), mengikut catatan di sini. Saya baca, mungkin ada silap tetapi inilah apa yang saya ada. Ya, Peraturan Mesyuarat 35(7).

"Seseorang Ahli tidak boleh bercakap berkenaan dengan apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan yang tepat bagi dirinya (selain daripada perkara-perkara gaji menurut apa-apa syarat dalam Perlembagaan), jika tidak diterangkan sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu".

Tuan Pengerusi: Itu 35(6).

Tuan Lim Kit Siang: Ini mungkin edisi yang tersilap. Tetapi dalam Ingeris, nampaknya 35(7), tetapi saya ada salinan yang sah. 35(6) atau dalam Ingeris pecuniary interest without disclosing the extent of that interest oleh Yang Berhormat Pendang yang berucap dalam perkara ini yang disebut tadi pun tidak mengikut peraturan ini, oleh kerana tidak ada dalam ucapannya mengisytiharkan (disclose the extent of that interest). Extent of that interest ialah sama ada pecuniary interest itu sah atau tidak sah, jumlahnya dan sungguhpun beliau mengakui semalam bahawa catatan-catatan dalam ROC betul bahawa dia ada memegang syer dalam syarikat Kurnia Damai sebanyak \$3 juta dengan satu ringgit satu syer. Dia kata: "syer kosong yang diberikan kepada saya dan tidak satu sen pun saya jelaskan. Saya hendak tunjukkan kira-kira Kurnia Damai Sdn. Bhd. ini untuk pandangan Ahli dari Bukit Bintang pada masa itu" dan lagi mengakui dalam Dewan ini bahawa "memang saya menjadi Pengarah" tetapi beliau tidak memberikan disclose pecuniary interest oleh kerana apa yang ada di hadapan kita ialah diakui oleh beliau bahawa catatan di dalam ROC yang menunjukkan 53,000,101 syer—1 syer \$1.00.

Bagaimana beliau boleh kata inilah syer kosong dan yang kedua adakah pecuniary interest ini sah atau tidak sah, haram atau halal, oleh kerana beliau mengakui dia menjadi Pengarah dan beliau mengakui bahawa syarikat ini ditubuhkan selepas beliau dilantik sebagai Setiausaha Parlimen dan tentulah pecuniary interest ini haram, selain daripada beliau dapat kelulusan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memegang jawatan itu. Adakah keizinan diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membenarkan beliau menjadi Pengarah itu. Adakah ini sudah menjadi satu undang-undang, satu dasar baru

Kerajaan Barisan Nasional bahawa Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, boleh menjalankan perniagaan sendiri, boleh pinjam nama mereka sebagai Pengarah-pengarah syarikat swasta. Terima syer kosong sebanyak \$ juta dan sama ada dia ada masuk kecek, tak ada orang tahu, oleh kerana ada dalam catatan ROC. Adakah beliau terlibat dalam usaha untuk menipu ROC dengan fakta-fakta yang salah dan adakah ini yang patut dibuat. Sah atau tidak sah, haram atau halal. Adakah ini bererti bahawa perbuatan ini tidak salah, dia gembira dan bangga. Adakah ini melalui prinsip teladan nilai Islam yang dilaung-laungkan dan adakah Kerajaan mengambil sikap bahawa ini tidak salah.

Adakah keterangan yang diberikan mengenai perkara ini mewakili kedudukan pendirian Kerajaan, mewakili kedudukan pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau beliau sendiri. Itu mustahak.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, point of order yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Tanjung iaitu di bawah Perkaranya 35(6). Pada fikiran saya 35(6) itu, jikalau sekiranya Ahli-ahli itu berucap di dalam satu-sama masalah yang dia mempunyai interest ataupun kepentingan kepada dirinya, umpamanya jikalau sekiranya Kurnia Damai ini sedang diberi wang ataupun sedang berniaga alaupun lesen-lesen dan orang itu lelah menjadi directornya dan dia bercakap di situ, kenalah dia mengisytiharkan kepentingannya. Perkara-perkara yang dibincangkan di sini ialah tuduhan dari satu pihak dan satu pihak lagi menjawab. Itu tidak bersangkutan, pada fikiran saya dengan perkara 35(6). (*Tepuk*)

Yang Berhormat, sila teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Pengerusi. 5 minit sahaja saya hendak jawapan pun. Memang

itulah pandangan Ketua Pembangkang DAP sepanjang rnasa. Saya hendak menyebut sedikit pembetulan mengenai laporan akhbar *The Star* dan *The New Straits Times*. Sebenarnya saya menyebutkan ialah kira-kira terakhir sebanyak \$224,433,034 itu ialah kira-kira terakhir Kurnia Damai bukan pegangan saya di dalam itu sebanyak \$200,000. Saya mengakui apa yang disebutkan di dalam laporan itu dan dengan ikhlas saya menyebutkan itu sebagai seorang Islam, saya faham. Yang Berhormat itu tidak faham tentang Islam.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Othman bin Abdul: Tidak payah.

Tuan Lim Kit Siang: Point of order 14. Saya mahu tanya tentang Urusan Mesyuarat, oleh kerana dua hari ditetapkan untuk perbincangan dalam Committee stage untuk Jabatan Perdana Menteri.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, saya bukan mahu menaCikan dan menidakkan haknya, saya mahu dia berucap dan saya malm tanya, adakah beliau memberi jawapan persendirian atau mewakili Kerajaan Barisan Nasional, mewakili Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjawab di sini bahawa sekarang dasar baru Kerajaan terhadap Vision 2020 ialah Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen boleh menjalankan perniagaan sendiri, boleh duduk dalam Lembaga Pengarah Syarikat-syarikat, boleh meminjam nama dan menerima saham-saham

kosong. Saya mahu tanya, adakah itu satu jawapan persendirian atau mewakili Kerajaan Barisan Nasional, oleh kerana beliau mewakili Kerajaan Barisan Nasional, itu menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional kotor, rendah, tidak bermaruah, tidak bermartabai, (*Tepuk*) dalam satu perkara yang menyalahguna kuasa yang boleh diterima dan boleh dilaung-laungkan, boleh dipertahankan oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. Malu! malu! Mana nilai yang murni, yang suci, Kerajaan yang bersih, yang cekap, mana ada? Saya mahu tanya, dia jawab atas sendiri atau dia jawab bagi pihak Kerajaan Barisan Nasionat atau bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Othman bin Abdul: Ini point of order apa ini? Sudah gilakah? Point of order apa ini!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kalau membangkitkan point of order, janganlan lerlalu panjang. Jangan mengambil kesempatan untuk berucap dengan panjang.

Tuan Lim Kit Siang: Dia jawab bagi siapa? Dia jawab untuk sendiri atau untuk Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Othman bin Abdul: Bodoh! Bodoh!

Tuan Lim Kit Siang: Itu mustahak, rakyat mahu tahu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Tanjung, duduklah!

Tuan Othman bin Abdul: Bodoh! Bodoh!

Tuan Lim Kit Siang: Itu mustahak, rakyat mahu tahu.

Tuan Othman bin Abdul: Bodoh! Bodoh!

Tuan Lim Kit Siang: Dan kita tidak akan membenarkan perkara itu berhenti di sini. Tentu kita akan teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: Duduklah, bullshit you.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk sendiri atau untuk Kerajaan.

Tuan Othman bin Abdul: Duduklah! Samseng, duduk! Kepala samseng, duduk! Kalau hendak lahu, tunggulah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: Saya telahpun mendapat kebenaran daripada Menteri saya di Jabatan Perdana Menteri. Saya beri lahu dia saya hendak menjawab dan saya minta kebenaran untuk menjawab, bagi pihak Kerajaanlah. Tuduhan terhadap saya merupakan tuduhan kepada Kerajaan. Saya hendak jelaskan bahawa saya mengakui dan selepas dibangkitkan, saya menyemak, kerana tempat yang dahulu saya duduk, saya telahpun meleiak jawatan, tetapi surat tidak sampai dan telah dihilangkan, Saya letak jawatan sekali lagi. Itu saya menjelaskan, sebab itu saya tidak hendak menyampuk pada awalnya saya hendak menjelaskan ini. Saya tidak peduli apa yang hendak dibangkitkan. Kalau sekiranya Yang Berhormat gentleman, saya hendak sebutkan soal rasuah, soal penyelewengan dan soal salah guna kuasa— itu tiga perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kctua Pembangkang, Kola Melaka dan Bukit Bintang—malpractice. Saya hendak jawab yang itu. Itu yang saya sanggah. Saya tidak menolak apa yang disebutkan, saya tidak menolak, saya menerima, tetapi saya hendak meneniang tuduhan

rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa, sebab itu saya cabar DAP, saya sanggup letak jawatan, dengan syarat apabila BPR menyiasat atas cadangan Ketua Pembangkang, saya rela letak jawatan dengan syarat BPR siasat dan jika tidak salah, depa kena letak jawatan, Ketiga-tiganya kena letak jawatan. Saya setuju. Saya yang... *(Disampuk)* Ketua Pembangkang sudah dua kali.. ..

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat, point of order....

Tuan Othman bin Abdul: Tidak, tak payah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat.. ..

Tuan Lim Guan Eng: Eh, duduk, duduk barua!

Tuan Othman bin Abdul: Eh, buntut Pak Hang, oi barua, chis. Laknat, kapiak laknat.Laknat.

Beberapa Ahli: *(Menyampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar.Ya, Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tanya beliau tadi sama ada dia menjawab bagi pihak Kerajaan atau sendin dan adakah ini dasar Kerajaan Barisan Nasional yang baru yang mana Menteri-menteri, Perdana Menteri boleh memegang jawatan, boleh menjalankan perniagaan sendiri?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, ini bukan point of order. Saya telahpun jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah order. Saya kata itulah penyelewengan. Itulah penyelewengan, itulah penyalahgunaan kuasa. Itu cukup, semua sudah nyata kepada rakyat.

Tuan Othman bin Abdul: Itu bukan point of order, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kalau bukan point of order, teruskanlah jawapan supaya ccpai selesai.

Tuan Othman bin Abdul: Dia yang biadab, saya benarkan dia bangun. Saya kata lima minit. Saya sudah lapan tahun lawan dia, ini bukan saya nak takut. Lawan dengan Ketua Pembangkang, saya tak takut. Lapan tahun saya sudah berdepan. Saya hendak beri tahu ini; he is still green, yang baru masuk tahun 1990, tak usah actlah, lapan tahun saya lawan Ketua Pembangkang ini.

Beberapa Ahli: Duduklah!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun. Pasir Mas, ya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya hendak minta jalan daripada Setiausaha Parlimen iaitu apakah perlu Yang Berhormat melayan mereka ini. Mereka berani di sini, sebab saya tahu sewaktu masuk ISA dahulu, depa menangis. Jadi, tak payah layanlah. (Ketawa)

Tuan Othman bin Abdul: Yang itu betul, Tuan Pengerusi. Menangis, cium tangan pun ada. Saya hendak jelaskan, saya sudah jawab bahawa jawapan saya ialah jawapan bagi pihak Kerajaan. Kalau saya hendak jawab bagi pihak diri saya, saya boleh minta "Penjelasan diri". Saya pun tahu peraturan. Apakah dia ingat dia seorang sahaja yang tahu Peraturan Mesyuarat?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddi) Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Sing: Minta penjelasan....

Tuan Othman bin Abdul: Tak payah, duduk!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Duduk, Yang Berhormat Tanjong!

Tuan Lim Kit Siang: (Menyampuk)

Beberapa Ahli: (Menyampuk)

Tuan Othman Abdul: Saya hendak jawab ini, saya hendak jawab. Duduk, samseng, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya mahu dia jawab soal penyelewengan sama ada itu benar. Bolehkah sekarang Menteri-menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen semua boleh berniaga?

Tuan Othman bin Abdul: Duduk! Tengok, ketua samseng, tengok ketua samseng.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila duduk Yang Berhormat! Saya minta....

Tuan Othman bin Abdul: Saya membenarkan DAP tanya Perdana Menteri, tanya bila-bila masa. Saya hendak sebutkan ini, dalam ucapan saya ini ada. Cuma saya hendak jawab kelmarin bila saya kena berhenti oleh kerana masa sudah cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Inikah satu contoh yang baru, Wawasan 2020—boleh berniaga, rasuah dan penyelewengan?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjong, Tanjong....

Tuan Othman bin Abdul: Sebut di luar. Kalau rasuah dan penyelewengan, sebut di luar dan report kepada BPR.

Saya sudah sebut, sebab itu kelmarin dia tidak datang.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau berani, sambut challenge saya di luar. Kalau berani....

Tuan Othman bin Abdul: Silakan. Sila buat tuduhan, kalau saya rasuah, pnyelewengan, sila buat tuduhan di luar.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan mengulangi ucapan saya dalam Dewan ini di luar. Saya akan jemput dia hadir.

Tuan Othman bin Abdul: Silakan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ikut peraturan mesyuarat....

Tuan Lim Kit Siang: Saya challenge, boleh terima?

Tuan Othman bin Abdul: Saya terima. Saya terima, kalau dia buat tuduhan di luar....

Tuan Lim Kit Siang: Adakah beruni, saya akan sebut di luar apa saya kata dalam Dewan ini....

Tuan Othman bin Abdul: Tak apa. Saya hendak sebut dengan ikhlas....

Beberapa Ahli: *(Menyampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, tenang, tenang. Teruskanlah.

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak sebut dengan ikhlas, sila sebut di luar kalau saya rasuah, salahguna kuasa, menyeleweng, sila buat tuduhan. Saya menyambut cabaran Ketua Pembangkang yang hendak mereportkan kepada BPR. Saya kata, saya rela, bukan sekadar penglibatan saya dalam Kurnia Damai Sdn. Bhd....

Tuan Lim Kit Siang: Jangan lari.

Beberapa Ahli: Jangan lari.

Tuan Othman bin Abdul: Duduk! Saya bukan setakat Kurnia Damai....

Tuan Lim Guan Eng: Barua, barua. Jangan lari.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka, cukuplah.

Tuan Othman bin Abdul: Apa ini yang barua, barua, Tuan Pengerusi. Ini Kota Melaka sebut barua. *(Disampuk)* You are still green, duduklah!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Setiausaha Parlimen teruskan dengan jawapan. Masa kita sudah singkat, teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak ringkaskan, tetapi samseng itu banyak, Tuan Pengerusi. Samseng ramai sangat. Saya bukan salahguna kuasa. Saya rela kalau sekiranya DAP sanggup lapor kepada BPR, hendak siasat pegangan saya, harta saya, siasatlah. Saya hendak suruh siasat semua, kalau ada berlebihan kedudukan kehidupan saya yang melebihi keupayaan saya, siasat. Saya rela sampai macam itu. Tetapi sampai hari ini tak berani hendak sanggup meletakkan jawatan. Saya kata kalau sekiranya tidak ada salah, tak sanggup. Ketua Pembangkang sudah dua kali isytihar hendak letak jawatan, tetapi bacul, pengecut, tak berani menerima cabaran. *(Tepuk)* Tak berani. Tengok satu orang pun tak berani, tengok pemberita, tak berani. Kota Melaka tak berani.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, teruskan jawapan, cukuplah tentang personal matter.

Tuan Lim Guan Eng: Burua, jangan capak besar.

Tuan Othman bin Abdul: Ini, hang jaga, aku sepak nanti. *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sebentar. Ada dari blok "C" yang bangun.

Tuan Othman bin Abdul: Bcri saya sekejap lagi, saya hendak habiskan jawapan saya, Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja.

Wan HanaHah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, saya minta Tuan Pengerusi berlindak, kenapa biarkan budak-budak mentah dari pembangkang itu berteriak "barua", atau apa saja, yang mereka suka yang amat memalukan Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, betul.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Hambat keluar mereka ini.

Tuan Lim Kit Siang: 'Barua* diguna dari sebelah sana. Malulah, malulah.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Nampaknya Ketua Pembangkang pun kurang ajarkah? Hambat keluar Tuan Pengerusi. *(Disampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, cukuplah itu, cukup. Yang Berhormat, kawal, kawal perasaan.

Tuan Lau Dak Kee: *(Menyampuk)*

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Awak pun Ipoh mari, duduklah! *(Disampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang

Berhormat, kawal pcrasaan ya. Setiausaha Parlimen teruskan, hanya sedikit sahaja lagi. Setiausaha Parlimen teruskan. Yang Berhormat Kota Setar, duduklah!

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, saya berpendapat, kalau sekiranya saya ataupun orang yang korap, yang rasuah dan mcnyeleweng, kalau menyokong DAP, habis semua masalah selesai. Dia tak akan ungkit lagilah, dia tak akan sebut lagilah masalah ini, tetapi selama saya dalam Kerajaan sebagai wakil rakyat, selatu dituduh rasuah, penyelewengan, salahguna kuasa. Tetapi apabila menyokong DAP, habis semua tuduhan. Habis semua tuduhan. Bangun-lah, mana Ketua Pembangkang hendak bangun, sekarang ini saya beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Hari Isnin, sila datang. Saya ulangi, kalau berani, sila datang. *(Disampuk)*

Tuan Othman bin Abdul: Saya duduk di sini, saya masih ingat tahun 1985/1986 semasa Yang Berhormat membentangkan Usul Suruhanjaya DiRaja BMF dan Kertas Putih, dia maki hamun Ahli dari Gua Musang, rasuah, penyelewengan, salahguna kuasa. Tetapi sekarang sudah jadi kawan dia, kawan paling baik, kawan paling baik. Saya yang membahaskan usul itu, yang maha bersih. Yang maha bersih. Ketua Pembangkang bersihkan? Kalau dia berani menunjukkan kenyataan, saya bahas dan Ahli Yang Berhormat Ketua Pembangkang bahas tiga jam.

Tuan Lim Kit Siang: Hari Isnin berani datang atau tidak? Hari Isnin, berani datang?

Beberapa Ahli: *(Menyampuk)*

Tuan Othman bin Abdul: Tak apa, saya datang. Saya datang.

Tuan Lim Kit Siang:.. .tarikh dan tempat. Saya ulangi apa yang saya kemukakan dt dalam Dewan ini.

Tuan Othman bin Abdul: Di sini, saya tunggu. Saya tak jadi masalah.

Tuan Lim Kit Siang: Di luar berani?

Tuan Othman bin Abdul: Tetapi saya hendak bangkitkan soal ini bahawa kalau sekiranya jadi kawan DAP semua baik. Saya hendak menyambut cabaran sekali lagi, hendak mencabar sekali lagi....

Tuan Lim Kit Siang: Harap dia tak lari, hari Isnin datang kalau berani. Adakah berani?

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Othman bin Abdul: Tak payah, tak payah. Dalam tuduhan-tuduhan rasuah, penyelewengan yang smart, tuduhan yang terlalu amat berat terhadap Ketua Semangat 46 pada ketika itu, saya yang bahaskan.

Seorang Ahli: Duduklah!

\Van Hanafiah bin Wan Mat Saman: Hai, pasal apa sudah panaskah?

Tuan Othman bin Abdul: Jadi, Tuan Pengerusi, saya sudah hendak jawab sedikit sahajalah kepada ucapan dari Bukit Bintang yang saya sudah sebut, sebabnya dia lak datang awal, tetapi tak apalah. Beliau menyebutkan tentang Kelantan mengapa kita kalah, Barisan tak malukah? Pemimpin Barisan Nasional, dia tak kata, kalau di Kelantan kalah kami letak jawatan. Tetapi Ketua Pembangkang, dia kata, kalau kalah Tanjong Dua, hendak letak jawatan. Tetapi duduk di sini juga.

Seorang Ahli: Malu!

Tuan Othman bin Abdul: Mana ada maruah? Tak ada maruah.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti hari Isnin, tengok siapa ada maruah.

Tuan Othman bin Abdul: Tak ada modallah, boleh duduklah, you please sit down, Ketua Pembangkang. No modal any more.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Othman bin Abdul: Jadi, saya sudah jelaskan bahawa saya telah mengisytiharkan perkara ini dalam Borang Perisytiharan Harta dan Surat Sumpah saya kepada Perdana Menteri, saya masukkan 3,000,001 saham ini kepada Perdana Menteri. Itu jelas, saya lelah jelaskan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bolehlah pergi semak di Pejabat saya kalau mahu, saya tak ada apa halangan, kalau mahu. Itu tentang saham, itu habis persoalannya dan saya berjanji tidak akan bercakap lama. Saya hendak habiskan dengan itu sahaja.

Akhirnya sekali, saya hendak menyebutkan sedikit tentang logik fikiran seorang bekas Ketua Penerangan PAS. Logik fikiran Ketua Penerangan PAS, Saudara Subky Laiif, dia kata, monyet makan pisang. Siapa yang makan pisang sama seperti monyet. Itu logik fikiran Subky Latif. Logik fikiran saya, Semangat 46 berkawan dengan DAP, PAS brkawan dengan Semangat 46, PAS samalah dengan DAP. Trima kasih. (*Ketawa*)

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan.

4.30 ptg.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Pengerusi, saya menjawab bahagian yang kedua daripada golongan jawapan bagi pihak Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada daripada pihak Kerajaan ataupun pihak Pembangkang yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan dan mengemukakan beberapa soalan yang berkaitan dengan perbelanjaan untuk Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 1992. Di atas segala pandangan, teguran serta juga syor-syor Ahli-ahli Yang Berhormat itu, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih,

Tuan Pengerusi, oleh kerana masa tidak ada, saya beritahu awal-awal, saya tidak akan melayani pertanyaan-pertanyaan dalam masa saya memberi ucapan ini.

Banyak perkara yang ditimbulkan, ada perkara yang remeh-temeh dan tidak tepat dengan tujuan asal, maka sikap saya ialah sepertimana yang diterangkan oleh Al-Quran: "Apabila orang yang jahil, degil dan tidak mengerti berbahas dengan kamu, jawablah bahawa, 'God bless you' ". Itu sahaja. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Pasir Mas, Bayan Baru dan Arau telah menyentuh beberapa perkara mengenai Jabatan Parlimen. Antara perkara yang disentuh adalah sudah sampai masanya kajian menyeluruh diadakan mengenai Parlimen, perkara yang menyentuh soal organisasi, struktur gaji, elaun, skim perkhidmatan kakitangan dan peluang kenaikan pangkat, bangunan Parlimen diperindah, diubahsuai supaya lebih menarik dan lebih selesa, kebajikan

kakitangan di Parlimen perlu diberi perhatian, jawatan-jawatan dalam Parlimen dijadikan jawatan terbuka, dan perakaunan Parlimen diserahkan kepada perakaunan pusat di bawah Jabatan Akauntan Negara.

Dalam hubungan ini, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih di atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, yang begitu peka dengan hal-hal yang perlu di Parlimen. Pihak pengurusan Parlimen memang ada rancangan untuk menyusun semula organisasi jabatan tersebut supaya sesuai dengan keperluan semasa dalam beberapa aspek penting termasuk organisasi dan perjawatan, sistem perakaunan, sistem pengurusan tender dan sebutharga dan sistem merekod soalan-soalan Dewan dan rekod Ahli-ahli Dewan. Kajian mengenai aspek-aspek yang disebutkan di atas telahpun bermula dan pihak pentadbiran Parlimen berharap hasil kajian dan kertas kerja mengenainya akan dapat dikemukakan menjelang tahun 1992 nanti.

Berhubung dengan pengubahsuaian Bangunan Parlimen, pihak pentadbiran memang sentiasa berusaha untuk menjadikan bangunan dan kawasan ~~Pandemik idip sebagai kawasan yang~~ **tercantik dipandang mata. Bagai-** manapun, ia bergantung kepada had peruntukan yang diluluskan. Kos penyelenggaraan peralatan dan kawasannya yang luas adalah amat tinggi memandangkan Bangunan Parlimen ini merupakan antara bangunan yang tertua. Segala perubahan-perubahan lain yang memerlukan kepada perubahan Akta. Peraturan dan pandangan perlulah dihalusi supaya tidak menimbulkan kesan-kesan negatif pada masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga telah menyentuh mengenai tawaran penswastan projek Laluan Kedua di Singapura. Sebagai menjawab

pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, adalah dimaklumkan bahawa UEM telah dibenarkan membuat kajian dan hak eksklusif untuk mengemukakan cadangan penswastaaan kepada Kerajaan memandangkan belanja yang besar bagi menjalankan kajian ini. Tambahan pula, projek ini adalah merupakan sambungan kepada projek Lcbuhraya Utara/Selatan yang telah ditawarkan kepada UEM. Kerajaan telah meluluskan secara prinsipnya projek tersebut kepada pihak UEM setelah menimbang dengan mendalam laporan kajian kemungkinan berkenaan dan cadangan penswastaaan yang terperinci yang dikemukakan oleh UEM. Walau bagaimanapun, syarat-syarat dan tawaran muktamad adalah tertakluk kepada satu perjanjian konsesi yang akan dirundingkan di antara Kerajaan dengan syarikat berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru telah membangkitkan soal keanggotaan dan hal-hal yang bersangkutan dengan Pasukan Petugas Anti Dadah. Bagi menjawabnya, perancangan bagi penubuhan Pasukan Petugas Anti Dadah dalam tahun 1983 yang dianggotai oleh Pegawai Perkhidmatan Awam telah dibuat dengan teliti oleh pihak Kerajaan. Sebelum ini masalah dadah diletakkan di bawah tanggungjawab Biro Narkotik Dadah, Kementerian Undang-undang kerana masalah telah diawasi melalui tindakan undang-undang apabila Akta Dadah Merbahaya 1952 dikuatkuasakan.

Biro Narkotik telah dibubarkan dalam tahun 1979 dan tugas penguatkuasaan diambilalih oleh Cawangan Siasatan Jenayah, Polis DiRaja Malaysia. Ini pula diganti dengan Urusetia Dadah pada tahun 1979 di bawah Kementerian Dalam Negeri. Apabila masalah ini diiktiraf sebagai masalah keselamatan, maka tanggungjawab masalah dadah diletakkan di bawah Majlis Keselamatan Negara pada tahun 1983 melalui arahan MKN

No. 13 bertarikh 10hb September 1983. Selaras dengan pendekatan ini, satu penyusunan semula jentera Kerajaan yang bertanggungjawab mengenai usaha anti dadah telah dibuat. Di bawah arahan No. 13, satu Jawatankuasa Anti Dadah Kebangsaan ditubuhkan yang bertanggungjawab menetapkan dasar dan menyelaraskan program agensi yang terlibat. Jawatankuasa ini terdiri dari 7 Menteri Kabinet dan ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dan agensi-agensi yang lain. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ianya bermesyuarat dari masa ke semasa. Di samping itu, sebuah Pasukan Petugas Anti Dadah juga telah diwujudkan. Kedua-duanya bertanggungjawab kepada Majlis Keselamatan Negara bagi semua aspek tindakan anti dadah. Kini satu usaha sedang dijalankan untuk menyusun semula organisasi Majlis Keselamatan Negara termasuk Pasukan Petugas Anti Dadah untuk membolehkan Pasukan Petugas Anti Dadah memainkan peranan yang lebih berkesan.

Di atas saranan Wakil dari Parit Sulong supaya satu kajian dijalankan mengenai keberkesanan program rawatan dan pemulihan, satu seminar rawatan dan pemulihan dadah kebangsaan telah diadakan pada 10 hingga 12 Julai 1990 khusus untuk menilai dan mempertingkatkan keberkesanan program rawatan dan pemulihan dadah. Resolusi-resolusi seminar adalah dalam tindakan susulan jawatankuasa pelaksanaan resolusi seminar yang dipengerusikan oleh Setiausaha Majlis Keselamatan Negara.

Seterusnya, Yang Berhormat dari Bayan Baru mencadangkan supaya perkhidmatan Biro Pengaduan Awam dipcerluaskan ke peringkat negri dan juga meningkatkan lagi prestasi terhadap perkhidmatan kepada orang ramai. Ahli Yang Berhormat tersebut juga meminta supaya jawatan Biro Pengaduan Awam perlu ditambah.

Dalam hal ini, saya ingin memaklumkan walaupun Biro Pengaduan Awam tidak ada cawangan-cawangan di peringkat negeri, namun perkhidmatan dapat dinikmati melalui program litaran yang dilaksanakan pada tahun 1989. Di bawah program litaran ini pegawai-pegawai Biro Pengaduan Awam akan mengendalikan stesen harian di kawasan-kawasan tertentu untuk memudahkan penduduk-penduduk di sekitar kawasan-kawasan tersebut menikmati perkhidmatan. Sebelum sesuatu litaran dijalankan, pengumuman disiarkan melalui media massa untuk pengetahuan orang ramai mengenai kawasan, tempat, larikh dan masa di mana stesen Biro Pengaduan Awam akan diadakan. Di samping itu, Pejabat-pejabat Penerangan tempatan juga menghebahkan dalam kawasan tertentu mengenai stesen-stesen Biro Pengaduan Awam yang akan diadakan dalam kawasan-kawasan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini litaran Biro Pengaduan Awam telah melawat 36 kawasan dan stesen terakhir ialah pada 29 November 1991 di Kuala Kubu Bharu. Selain daripada membuat aduan secara hadiran sendiri di Biro atau di stesen-stesen di bawah litaran Biro, orang ramai boleh membuat aduan masing-masing melalui surat yang dialamatkan kepada Biro Pengaduan Awam, Peti Surat 9000 lanpa setem. Kerja-kerja Biro sering mendapat publisiti dalam suratkhobar-suratkhobar dan usaha ini akan dipertingkatkan lagi.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya kakitangan dan peruntukan Biro ditambah, sukacita dimaklumkan bahawa kajian menyusun semula Biro sedang dijalankan dan akan disiapkan sebelum akhir tahun ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru juga mendakwa bahawa peruntukan \$24 juta untuk projek Kem

Bina Semangat tidak manfaat kepada rakyat. Kursus Bina Semangat ini hanya untuk golongan tertentu sahaja, beliau meminta Jabatan Perdana Menteri mengkaji semula peruntukan tersebut.

Sehubungan dengan ini adalah dimaklumkan bahawa pembinaan Kem-kem Bina Semangat di bawah Rancangan Malaysia Keenam adalah merupakan salah satu unsur penting dalam pelaksanaan Program Bina Negara.

Program Bina Negara ini adalah merupakan program yang menekankan kepada aspek-aspek perubahan sikap, memupuk dan mengamalkan nilai-nilai murni selaras dengan aspirasi prinsip Wawasan 2020.

Kerajaan sedar bahawa memupuk semangat sahaja di kalangan rakyat tidak akan memberi faedah sekiranya tidak ada perubahan sikap, perilaku dan pengamalan nilai-nilai murni sebagai warganegara yang mempunyai daya tahan dan daya juang dalam menghadapi cabaran masa yang akan datang. Ini termasuklah usaha untuk membina satu rupa rakyat Malaysia yang bersetiausaha, berakhlak mulia, bernaik dan berkeperibadian nasional. Program ini diujukan kepada semua kumpulan masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pelaksanaan program ini adalah dengan kerjasama semua agensi Kerajaan yang lain termasuk Kementerian Belia dan Sukan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Pembinaan Kem-kem Bina Semangat seperti yang dirancangan itu adalah amat diperlukan memandangkan kekurangan dan kesukaran mendapatkan pusat-pusat latihan yang sesuai dengan program ini. Negara Malaysia yang maju memerlukan warganegara yang berakhlak mulia, bernaik dan berkeperibadian tinggi.

Bagi pusat-pusat latihan yang lain yang dibina oleh Kementerian-kementerian lain, mereka menggunakan pusat-pusat latihan tersebut untuk mencapai objektif Kementerian/Jabatan sendiri.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bayan Baru juga telah menyentuh beberapa perkara mengenai Jabatan Perkhidmatan Awam khususnya mengenai Bahagian Gaji dan Elaun, Bahagian Perkhidmatan dan Bahagian Perjawatan.

Bersabit dengan perkara ini sukalah saya memberitahu bahawa pegawai dan Bahagian Gaji dan Elaun sangat mengambil berat terhadap tuntutan-tuntutan yang berkenaan dengan gaji pegawai dan kakitangan. Bahagian tersebut juga sangat mengambil berat terhadap tuntutan-tuntutan berkenaan gaji, elaun dan kemudahan yang dibangkitkan oleh pihak kesatuan melalui Majlis-majlis Bersama Kebangsaan. Melalui mesyuarat-mesyuarat MBK banyak tuntutan tersebut telah diputuskan secara rundingan dalam suasana perhubungan perusahaan yang amat baik sekali.

Di samping itu, untuk makluman Yang Berhormat juga, di dalam membuat kajian terhadap Sistem Saraan Baru yang telah diluluskan oleh Kerajaan baru-baru ini, suka saya menyatakan bahawa tuntutan-tuntutan dari pihak pekerja sama ada melalui MBK atau tidak telahpun dijadikan rujukan oleh Kerajaan dalam membuat pertimbangan bentuk Sistem Saraan Baru tersebut. Oleh yang demikian, dakwaan Ahli Yang Berhormat yang menyatakan pegawai dan kakitangan di Bahagian Gaji dan Elaun tidak mengambil berat terhadap isu dan tuntutan mengenai gaji, elaun dan kemudahan pekerja sektor awam adalah tidak benar.

Berhubung dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru mengenai Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam, pada

pengetahuan saya tidak ada berlaku kelewatan sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, skiranya Ahli Yang Berhormat itu mempunyai maklumat mengenai perkara yang dibangkitkan, Jabatan tersebut bersedia untuk menyelesaikan dengan segera sekiranya perakuan kenaikan pangkat adalah tidak teratur mengikut tatacara kenaikan pangkat seperti yang ditetapkan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Pasir Mas lelah menyentuh mengenai Jabatan Audit Negara. Dalam hal ini adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan sentiasa mengambil perhatian dan mengkaji dari masa ke semasa keperluan perjawatan pegawai dan kakitangan Jabatan tersebut.

Mengenai latihan pula, Jabatan berkenaan juga ada menganjurkan kursus-kursus bagi pegawai-pegawai dan kakitangan pada setiap tahun.

Wakil dari Pasir Mas juga membangkitkan supaya peruntukan projek-projek kecil luar bandar diagih-agihkan ke tempat yang betul-betul perlu. Dalam hal ini sukalah saya maklumkan bahawa peruntukan dari projek-projek pembangunan luar bandar memang diagih-agihkan ke lempat-tempat atau kawasan yang benar-benar memerlukan. Kerajaan tidak pernah mengabaikan kawasan-kawasan yang benar-benar memerlukan projek-projek pembangunan luar bandar.

Yang Berhormat dari Pasir Mas seterusnya telah membangkitkan soalan sejauh mana Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan mempunyai kakitangan yang cukup.

Untuk makluman Yang Berhormat, JPP Kelantan mempunyai kakitangan yang cukup bagi melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Jumlah pegawai dan kakitangan JPP dari Kelantan adalah seperti berikut:

Yang telah diluluskan - 55 jawatan
 Yang telah diisi - 51 jawatan
 Yang dalam proses - 4 jawatan
 untuk diisi

Kerajaan Persekutuan juga telah melantik seramai 254 Penyelia Pembangunan Mukim mulai 1.6.1991 dan telah meluluskan 39 jawatan Ketua Penyelia Mukim.

Yang Berhormat dari Pasir Mas juga telah menimbulkan isu Bahagian Penyerlaan Bumiputera Pulau Pinang. Untuk makluman Yang Berhormat, Bahagian tersebut telah ditubuhkan pada tahun 1977 sebagai Urusetia kepada Jawatankuasa Pemandu Penyerlaan Bumiputera dengan objektif dan fungsi-fungsinya yang tertentu.

Mengenai pertanyaan dari Yang Berhormat Wakil Pasir Mas bersabit pencapaian prestasi bumiputera Pulau Pinang, pada keseluruhannya pencapaian prestasi bumiputera di Pulau Pinang adalah memuaskan dan masih boleh dipertingkatkan, Walau bagaimanapun, dalam beberapa bidang seperti pelancongan, perkilangan, pembuatan dan pemborong bumiputera masih lagi ketinggalan dan di dalam proses untuk membantu meningkatkan prestasi mereka.

Menyentuh dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Wakil dari Bayan Baru terhadap dakwaan bahawa Badan Pencegah Rasuah menumpukan siasatan kepada memberi dan menerima rasuah sedangkan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa kurang diberi tumpuan. Ini adalah tidak berasas sama sekali. Sepanjang rekod yang ada pada Badan Pencegah Rasuah, Badan Pencegah Rasuah telah membuktikan bahawa tumpuan yang sama telah diberikan pada setiap pelaku-pelaku rasuah.

Sukacita saya mengambil kesempatan di sini memaklumkan bahawa perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Wakil Bayan Baru, bahawa usaha pemhanterasan rasuah akan menjadi lebih berkesan sekiranya orang yang berpengaruh seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan orang ramai sanggup tampil ke hadapan memberikan maklumat-maklumat yang bermutu kepada Badan Pencegah Rasuah, dan tidak sekadar melaungkan perkara-perkara tersebut dalam Dewan yang mulia ini sahaja. Maklumat yang bermutu akan lebih bermakna dalam membantu Badan Pencegah Rasuah dalam tugas-tugas siasatannya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bayan Baru juga telah menyentuh mengenai Lembaga Penasihat. Dalam hal ini sukacita saya memberitahu bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Pasal (2) Perkara 151 Perlembagaan Persekutuan—"Sesuatu lembaga penasihat yang ditubuhkan bagi maksud Perkara ini hendaklah mengandungi seorang pengerusi, yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan ianya hendaklah seorang yang menjadi, atau telah menjadi, atau layak menjadi, hakim Mahkamah Agung atau Mahkamah Tinggi, atau yang menjadi seorang hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia, dan dua orang ahli lain yang dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong."

Kes-kes rayuan ulangkaji yang dikendalikan oleh Lembaga Penasihat dari tahun 1990 hingga 1992:

(a) Di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1990	1,750
1991	1,800
1992	1,750

(b) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Je-

nayah)—Jumlah bagi tiga Pusat Tahanan, Muar, Batu Pahat, Pulau Jerejak:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1990	800
1991	560
1992	280

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Wakil dari Tanjong juga telah membangkitkan prestasi Urusetia Kabinet yang sangat rendah, keputusan dicabar oleh pegawai tinggi Perkhidmatan Awam dan kes kenaikan ke Tingkatan Satu, pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Tanjong, tanggungjawab Urusetia Kabinet antara lain menyampaikan keputusan Jemaah Menteri kepada Kementerian-kementerian dan agensi untuk dilaksanakan. Berdasarkan maklumanbalas, Kerajaan berpuas hati tindakan yang diambil oleh pihak yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengambil perhatian dan memastikan segala keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri dilaksanakan dengan sempurna. Dalam keadaan di mana suatu keputusan Jemaah Menteri itu diragui, Kementerian dan agensi boleh merujukkan semula kepada Jemaah Menteri. Dalam kes ini, Kementerian Pendidikan telah merujukkan semula perkara ini dan keputusan terdahulu itu telah dikekalkan. Oleh yang demikian, soal prestasi Urusetia Bahagian Kabinet adalah tidak timbul.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Wakil dari Kepong telah membangkitkan mengenai maklumat hal ehwal wanita yang tidak terdapat di dalam Anggaran Jabatan Perdana Menteri. Nampaknya Yang Berhormat dari Kepong itu telah ketinggalan masa. Sebenarnya Urusetia Hal Ehwal Wanita tidak lagi diletak di Jabatan Perdana Menteri, tetapi diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Yang Berhormat Wakil dari Kepong juga telah menimbulkan isu mengenai nilai harta di Wilayah Persekutuan. Dalam hal ini, ingin saya maklumkan bahawa nilai harta tersebut adalah dibuat mengikut nilai pasaran pada masa kini.

Yang Berhormat Wakil dari Pasir Mas dan Wakil dari Padang Terap telah membangkitkan soal Ketua Pengarah MARA dan kuasa Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, dalam urusan perlantikan tersebut. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut, soal siapakah yang lebih berkuasa dalam perkara perlantikan Ketua Pengarah MARA adalah tidak timbul. Kerajaan telah menetapkan peraturan tertentu bagi perlantikan Ketua-ketua Eksekutif dalam badan-badan berkanun termasuk MARA. Dengan demikian, sesuatu perlantikan seperti yang dibuat dalam hal ini perlulah menepati prosedur yang telah ditetapkan. Di samping itu, calon pegawai yang dicadangkan bagi jawatan Ketua Pengarah MARA adalah seorang pegawai PTD yang mana pinjamannya kepada MARA perlu mendapat persetujuan Ketua Perkhidmatan beliau dan juga Lembaga Kenaikan Pangkat, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Arau telah menyentuh beberapa perkara mengenai Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Di antaranya ialah buat masa ini seorang pegawai ditugaskan untuk menjaga 50 orang, kenapakah tidak dikurangkan pegawai bertugas yang boleh berkomunikasi dalam Bahasa Arab, memberikan pelaburan kepada teknologi tinggi agar Tabung Haji tidak bertanding dengan pihak bumipulera yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Arau, buat masa ini Lembaga Urusan dan Tabung Haji merasakan kadar pegawai bertugas tersebut adalah memadai dalam urusan

pengendalian Jemaah Haji di Tanah Suci. Jika Tabung Haji bercadang untuk mengurangkan kadar tersebut, maka Tabung Haji terpaksa menanggung kos tambahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Arau juga kebanyakan pegawai Tabung Haji boleh bertutur Bahasa Arab. Mereka yang bertugas di Tanah Suci diberi kursus Bahasa Arab sebelum bertugas dan di antara 10 dan 20 petugas diambil dari kalangan penduduk tempatan boleh berbahasa Arab, contohnya pelajar-pelajar Malaysia di sana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Arau seterusnya bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak pernah bertanding dengan pihak bumiputera yang lain dari segi pelaburan sebagaimana yang didakwa. Kebanyakan pelaburan Tabung Haji adalah diperuntukkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Yang Berhormat dari Arau juga telah menyentuh mengenai Pasukan Petugas Anti Dadah. Bagi makluman Yang Berhormat, oleh kerana PEMADAM merupakan satu badan sukarela, Kerajaan tidak dapat memberi sokongan dari segi kakitangan untuknya. Walau bagaimanapun, Kerajaan ada memberi sokongan peruntukan khusus bagi program dadah untuk badan-badan sukarela bagi projek-projek kemasyarakatan.

Seterusnya, Yang Berhormat dari Arau telah mencadangkan supaya diperkuatkan lagi Biro Pengaduan Awam iaitu dengan menempatkan pegawai-pegawai kanan yang berwibawa. Dalam hal ini sukacita dimaklumkan bahawa cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu sebenarnya adalah di dalam perhatian Kerajaan dan kajian untuk meningkatkan lagi keberkesanan sedang dijalankan dan akan disiapkan pada akhir tahun nanti.

Yang Berhormat dari Padang Terap telah menyentuh mengenai Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri di mana beliau ingin tahu mengenai objektif dan fungsi Institut tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap, Institut itu telah ditubuhkan pada 1hb Julai, 1991 dengan tujuan untuk menyediakan latihan dan kursus kepada pegawai diplomat dan individu yang terlibat urusan diplomasi dan hubungan antarabangsa bagi melahirkan satu kumpulan diplomat yang berpengetahuan, berdisiplin serta dapat memainkan peranan dengan lebih berkesan.

Pada peringkat permulaan, Institut ini akan melatih pegawai-pegawai Kerajaan dari Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian, MIDA, TDC, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertahanan dan Jabatan Perdana Menteri. Kursus untuk isteri atau suami pegawai-pegawai yang berkhidmat di seberang laut akan juga dianjurkan di antara latihan dan kursus yang akan diajar.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepong bangun, beri jalan atau tidak?

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Saya tidak ada masa, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak ada masa. Yang Berhormat boleh sambung.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Kursus yang akan diajar ialah kursus orientasi bagi pegawai-pegawai baru dan kakitangan sokongan yang akan bertaraf "diplomatik, diplomatic practices and procedures, kursus Bahasa Inggeris.

Yang Berhormat dari Padang Terap juga telah menyentuh beberapa perkara mengenai Dewan Rakyat iaitu keistimewaan yang perlu diberikan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan layanan yang sepatutnya diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen. Menyentuh mengenai pandangan tentang kedudukan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, suka saya maklumkan bahawa Kerajaan memang sedar tentang peranan dan tanggungjawab Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan selaras dengan itu telah menetapkan satu kedudukan yang tinggi di dalam senarai keutamaan Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat adalah lebih tinggi dari segi protokolnya daripada Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet.

Menyentuh mengenai layanan kepada Ahli-ahli Parlimen, adalah juga dimaklumkan bahawa Jabatan Perdana Menteri sentiasa mengambil perhatian supaya layanan-layanan yang berpalutan diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen dan juga mengambil ingatan untuk mengundang Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen ke upacara-upacara rasmi negara.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas menyentuh tentang Bahagian Hal Ehwal Islam terutamanya tentang SISMI (Sistem Maklumat Islam). Suka saya terangkan bahawa sistem ini ialah dalam Pentadbiran Hal Ehwal Islam. Pada hari ini akan kita cantumkan di seluruh negara melalui rangkaian komputer. Maka apabila rancangan WAN (Wide Area Network), dengan izin, bagi rangkaian komputer selesai, urusan-urusan pengendalian hal ehwal Islam akan lebih teratur dan lebih kemas. Sebagai misalnya, kalau tahu sahaja nombor kad pengenalan akan boleh tahu sudah kahwin atau belum, satu atau lebih.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan setinggi-tinggiterimakasihasemua soalan-soalan. Mana-mana perkara

yang ditimbulkan tidak dijawab dalam jawapan tadi, akan diambil perhatian oleh Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan Anggaran Belanjawan bagi Jabatan Perdana Menteri 1992 diluluskan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$17,198,200 untuk Maksud B.1; \$936,200 untuk Maksud B.2; \$30,010,400 untuk Maksud B.3; \$17,577,000 untuk Maksud B.4; \$12,899,800 untuk Maksud B.5; \$4,981,500 untuk Maksud B.6; \$482,265,800 untuk Maksud B.7; \$651,526,800 untuk Maksud B.8; \$59,775,700 untuk Maksud B.9; \$14,172,300 untuk Maksud B.10; \$26,933,100 untuk Maksud B.11; \$651,500 untuk Maksud B.12 dan \$572,000 untuk Maksud B.13 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan diselujukan.

Wang sebanyak \$17,198,200 untuk Maksud B.1; \$936,200 untuk Maksud B.2; \$30,010,400 untuk Maksud B.3; \$17,577,000 untuk Maksud B.4; \$12,899,800 untuk Maksud B.5; \$4,981,500 untuk Maksud B.6; \$482,265,800 untuk Maksud B.7; \$651,526,800 untuk Maksud B.8; \$59,775,700 untuk Maksud B.9; \$14,172,300 untuk Maksud B.10; \$26,933,100 untuk Maksud B.11; \$651,500 untuk Maksud B.12 dan \$572,000 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$704,490,140 untuk Maksud P.7 dan \$30,586,400 yang disebutkan dalam Maksud P.8 dalam Anggaran

Pembangunan bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$704,490,140 untuk Maksud P.7 dan \$30,586,400 untuk Maksud P.8 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1992.

*Maksud B.14, B.15 dan B.16 (Jadual)—
Maksud P.14 dan P.16 (Anggaran
Pembangunan, 1992)—*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Bekalan B.14 hingga B.16 dan Kcpala Pembangunan P.14 hingga P.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas. Ipoh.

4.49 ptg.

Tuan Lau Dak Kee (Ipoh): Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin mengambil bahagian atas perbincangan bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya hendak sebut Butiran 030000, Butiran 040000 dan Butiran 00100, 00200 dan 00300 dan seterusnya 04000. Saya akan bahas dengan sekaligus.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 04000, untuk Rancangan Saluran Najis, Ipoh dan Rancangan Saluran Najis Ipoh Fasa II dan jumlah peruntukan ialah \$57,460,000 telah diumumkan di dalam Anggaran tahun 1992.

Tuan Pengerusi, adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat untuk membina saluran-saluran atau pembedahan-pembedahan najis di merata tempat seperti di Johor Bahru, di Melaka atau di merata-rata tempat. Daripada senarai di sini, terdapatnya \$1.284 bilion telah diperuntukkan untuk membina saluran-

saluran najis ini. Saya dapati bahawa perbelanjaan ini diedarkan kepada Kerajaan Tempatan bukan secara langsung iaitu pinjaman sahaja.

Tuan Pengerusi, saya beri satu contoh di mana terdapatnya di Bandar Lama Ipoh, satu saluran pembedahan najis telah dibina di Ipoh melibatkan tidak kurang daripada 600 pemegang-pemegang harta di Bandar Lama Ipoh. Mereka diminta oleh Bandaraya Ipoh untuk membayar bayaran pemasangan dan perhubungan saluran najis itu sebanyak antara \$5,000 hingga \$10,000 dan juga pada Fasa II Rancangan Saluran Najis Ipoh pun telah memberitahu kepada pemegang-pemegang harta di Bandar Baru Ipoh yang melibatkan sekurang-kurangnya dua ribu lebih pemegang-pemegang harta-benda di tempat itu. Tiap-tiap pemegang diminta membayar sekurang-kurangnya \$10 bagi satu unit harta di Ipoh.

Tuan Pengerusi, kalau pihak Kerajaan Tempatan meminta pemegang-pemegang harta membayar \$50 atau \$100 atau \$200 untuk membersihkan alam sekitar ataupun menyempurnakan saluran-saluran najis itu, mungkin pemegang-pemegang harta itu mampu bayar tetapi di sini mereka diminta untuk membayar sekurang-kurangnya \$5,000 hingga \$10,000. Maka, Tuan Pengerusi, pemegang-pemegang harta tersebut itu kebanyakannya tidak mampu untuk membayar dengan bayaran yang begitu tinggi yang telah ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Ipoh.

Tuan Pengerusi, di Bandar Baru diminta untuk membayar antara \$10,000 hingga \$15,000 bagi satu unit harta di Bandaraya Ipoh, maka terdapat sekurang-kurangnya 90% pemegang-pemegang harta di situ tidak berdaya untuk membayarnya.

Tuan Pengerusi, Dewan Bandaraya atau Majlis Perbandaran juga telah banyak merancang untuk membina

beberapa saluran najis di merata lempat seperti di Ipoh, Seremban, Melaka, Kuching, Kelang, Shah Alam. Penduduk-penduduk khasnya bagi pemegang-pemegang hartanya atau tuan rumah di situ, diminta untuk membayar antara \$5,000 hingga \$10,000. Saya rasa ini memang perlu jika Kerajaan Pusat tidak membekukan satu perbelanjaan secara langsung, tidak kena bayar balik. Maka dengan keadaan itu, mungkin tidak dapat diatasi sebab di merata Bandaraya, di merata Majlis Perbandaran, di merata Majlis Daerah, mereka memerlukan saluran-saluran atau pembetung-pembetung najis yang baru dibina tetapi kalau mereka hanya diminta membayar \$100 hingga \$200, mereka mampu. Kalau minta mereka bayar \$5,000 hingga \$15,000 bagi setiap tuan rumah itu, saya rasa memang mereka tidak dapat membayarnya. Kalau mereka tidak dapat membayarnya, apakah akibatnya? Pihak Kerajaan Tempatan akan mengeluarkan satu notis untuk menuntut bayaran tersebut. Kalau mereka masih gagal untuk membayar atau menjelaskannya, pihak Kerajaan Tempatan akan memberi satu notis mahkamah untuk mendakwa penduduk-penduduk atau tuanrumah-tuanrumah atau pemegang-pemegang harta-benda itu di mahkamah untuk menjelaskan kos pembinaan itu.

Tuan Pengerusi, satu notis telah diberi kepada pemegang-pemegang harta-benda di Bandar Ipoh itu menyatakan bayaran itu berkaitan dengan pemasangan dan sambungan sahaja. Kalau pemasangan dan sambungan memerlukan sebarang \$5,000 hingga \$10,000, adakah ini berpatutan? Sejauh mana yang saya tahu, angka-angka yang diminta oleh Bandaraya Ipoh itu bukan kos pemasangan, bukan kos perhubungan saluran najis tetapi adalah kos keseluruhan. Kalau kos keseluruhan akan dibebankan kepada penduduk-penduduk, tuanrumah-tuanrumah atau pemegang-pemegang harta benda,

maka mereka tidak mampu dan tidak berdaya lagi.

Oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, saya hendak meminta sedikit penjelasan daripada Menteri berkenaan. Kalau satu-satu saluran najis dibina di sesuatu tempat mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976, maka notis awal itu perlu dikeluarkan terlebih dahulu untuk memberitahu pemegang-pemegang harta itu satu pembinaan saluran akan dijalankan. Tetapi di sini masalahnya ialah notis-notis hanya diberi kepada pemegang-pemegang harta-benda itu selepas pembinaan saluran itu. Selepas saluran pembetungan najis itu sudah disiapkan, kemudiannya notis dikeluarkan, maka soalan berbangkit. Adakah pihak Kerajaan Tempatan betul-betul mengikuti dengan sepenuhnya undang-undang yang telah dicatat di dalam Akta Kerajaan Tempatan. Tetapi keadaannya tidak, mereka terbalik. Sebelum saluran itu dibina, maka notis perlu dikeluarkan tetapi sekarang ini saluran siap dibina, baru notis dikeluarkan dan minta tuan rumah itu kena bayar begitu banyak.

Kalau perkara ini satu testing di Ipoh, kalau perkara ini berlanjutan atau merebak di merata tempat, saya fikir bahawa semua penduduk-penduduk, pemegang-pemegang harta di semua Bandaraya, di semua Majlis Tempatan, di semua Majlis Daerah akan menghadapi satu hakikat yang leruk.

Oleh kerana itu untuk menyelesaikan perkara ini, Kerajaan Pusat haruslah memberi perbelanjaan untuk membina saluran-saluran najis ini dengan cura langsung, bukan secara pinjaman. Apabila perkara-perkara ini dibangkitkan di Majlis Bandaraya Ipoh, satu jawapan daripada Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan menyatakan bahawa Kerajaan Perak akan memohon kepada Kerajaan Pusat untuk memberi peruntukan-peruntukan secara langsung. Maka saya hendak tahu sama ada

permohonan-permohonan itu telah diterima oleh Kerajaan Pusat. Kalau sudah diterima apakah pertimbangannya dari Kerajaan Pusat? Sama ada Kerajaan Pusat akan mengecualikan pinjaman-pinjaman tersebut dilupuskan ataupun dilukarkan pinjaman-pinjaman tersebut kepada peruntukan-peruntukan secara langsung, tidak kena dibayar balik.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak menyebut sedikit berkenaan dengan perumahan. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak 557,300 unit rumah akan dibina. Di antaranya 70% akan dibina oleh badan-badan swasta dan 30% akan dibina oleh Kerajaan. Saya hendak tahu, antara 30% yang dibina oleh Kerajaan, berapakah bilangan unit rumah akan dibina bagi kos murah, berapakah bagi kos sederhana dan berapakah bagi kos tinggi atau mewah? juga saya hendak tahu sama ada 70% yang akan dibina oleh pihak swasta, adakah pihak swasta ingin, rela atau mampu untuk memenuhi sasaran yang telah ditentukan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini?

Saya dapati bahawa Kerajaan akan memberi peruntukan \$803 juta untuk pembangunan perumahan di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Saya hendak tahu berapakah peruntukan yang akan dibiayai kepada rumah-rumah kos rendah, rumah-rumah kos sederhana dan adakah peruntukan-peruntukan untuk rumah-rumah kos mewah?

Tuan Pengerusi, mengikut satu laporan dan satu pendapat daripada Malaysian Architects Association, dikatakan jikalau kadar pertumbuhan negara tidak berada pada paras 8% hingga 9% setahun, mungkin sasaran itu tidak dapat dipenuhi kerana sebab-sebab berikut:

- (i) rumah-rumah yang dibina itu mungkin lebih, pembeli-pembeli tidak berdaya untuk mem-

belinya ataupun enggan membelinya atau tidak layak untuk membelinya. Maka keadaan perumahan yang ada pada hari ini ialah rumah lebih daripada keperluan;

- (ii) kerana syarat-syarat untuk meminjam bagi projek-projek perumahan ataupun syarat-syarat untuk seseorang mendapatkan pinjaman daripada bank telah diperketatkan dan syarat-syarat itu pun telah dipertingkatkan sehingga pembeli-pembeli rumah tidak mendapat kcluyakan dengan mudah, maka mereka tidak dapai membeli rumah-rumah yang mereka ingin beli;
- (iii) didapati bahawa institusi-institusi kewangan ataupun bank-bank di negara ini enggan memberi pinjaman perumahan kepada rumah-rumah yang berharga \$100,000 ke atas kerana kadar faedah telah diteniukan tidak melebihi 9%, maka bank tidak dapat untung kalau mengikut kadar-kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan, maka orang-orang yang mampu hendak membeli rumah tersebut tidak dapat membeli; dan
- (iv) didapati bahawa institusi-institusi kewangan dan bank-bank telah membekukan pinjaman kepada pembeli-pembeli bagi harga rumah yang kurang daripada \$100,000 atau ke bawah. Alasan-alasan yang mereka beri ialah kuota sudah cukup, tiada kuota lagi. Tetapi adakah Kerajaan telah membuat satu kajian atau siasatan terhadap perkara ini? Kalau bank-bank akan membekukan pinjaman mereka kepada rumah-rumah yang berharga \$100,000 atau ke bawah, maka rumah-rumah yang berharga sederhana atau murahpun tidak dapat

dijual kerana kebekuan daripada institusi-institusi kewangan dan bank-bank. Faedah-faedah bagi bank-bank juga telah meningkat, maka kalau seseorang hendak meminjam daripada bank, sekurang-kurangnya one third of his salary, dengan izin, kena bayar kepada bank. Kalau kurang daripada one third of his salary, maka orang itu tidak layak.

Tuan Pengerusi, adakah Kerajaan akan mengenalpastikan satu syarat yang lebih longgar di mana pembeli-pembeli rumah dapat memiliki rumah dengan begitu mudah dan senang (anpa sekatan-sekatan yang ditentukan oleh bank. Dan juga kalau sasaran itu tidak dapat ditarget atau dipenuhi oleh Kerajaan, mungkin ada alasan-alasan yang lain seperti pekerja-pekerja mahir, pekerja-pekerja selengah mahir telah berkurang. Banyak pekerja-pekerja mahir dan setengah mahir ini telah pergi ke negara lain untuk mencari rezeki dan bayaran yang lebih mewah kalau dibanding dengan gaji yang diperolehi di negara kita.

Oleh kerana itu, kos bagi pembinaan perumahan itu akan meningkat. Maka berdasarkan faktor-faktor yang saya sebutkan di bawah ini, saya hendak lahu sama ada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mampu mengatasi masalah-masalah yang telah saya sebutkan itu. Saya minta Menteri yang berkenaan akan memberi alasan-alasan yang munasabah, yang tepat bukan ikut anggapan diri sendiri dengan menyatakan perkara-perkara ataupun kesulitan-kesulitan tersebut dapat diatasi dengan mudah.

Tuan Pengerusi, di sini juga saya ingin menyentuh mengenai dengan rumah kos rendah. Satu kenyaiaan yang telah dikeluarkan oleh Presiden Per-satuan Pemaju Perumahan Malaysia yang mcnyatakan Kerajaan patut memberi ataupun mengarahkan

institusi-institusi kewangan supaya melonggarkan syarat ke atas pinjaman perumahan. Begitu juga di sini terdapat satu laporan daripada seorang pakar dalam perumahan daripada Universiti Sains Malaysia, dikatakan bahawa Kerajaan perlu mengawasi penjualan semula rumah-rumah kos rendah dan sederhana rendah. Rumah harga murah dijual dengan harga \$25,000 seunit. Tetapi dipasaran sebenar ialah di aniana \$35,000 hingga \$40,000. Kebanyakan pembeli-pembeli rumah kos rendah adalah merupakan pembeli-pembeli kedua yang membayar harga yang tinggi daripada pembeli-pembeli pertama yang mengaul keuntungan mudah yang kini berbaris untuk membeli lebih banyak rumah murah. Jika tiada usaha atau pengawalan dibuat terhadap penjualan semula rumah-rumah kos rendah maka perkara ini akan berterusan dan akan menyulitkan orang-orang yang benar-benar memerlukan rumah-rumah ini. Bagaimanapun, sehingga ke hari ini belum ada apa-apa tindakan konkrit oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah ini. Kerajaan pun tidak mempunyai apa-apa undang-undang atau akta untuk mengawal keadaan ini.

Oleh kerana itu, Tuan Pengerusi saya hendak minta penjelasan daripada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memberitahu Dewan ini sama ada Kerajaan telah mengambil tindakan atau langkah positif untuk menyelesaikan perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa ada banyak pemaju-pemaju perumahan apabila mereka menjual rumah kos rendah ini, mereka mensyaratkan pembeli-pembeli menandatangani satu "kontrak ubahsuai". Kalau mereka enggan ataupun tidak mahu menandatangani satu "kontrak tambahan" itu di pejabatnya, maka mereka tidak akan dapal membeli rumah-rumah kos rendah ttu. Ini telah berlaku di negeri Perak. Saya percaya di negeri yang lain pun ada berlaku tetapi Kerajaan tidak

ambil apa-apa langkah untuk menyasiat ataupun mengawal keadaan seumpama ini dari terus berlaku.

Satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dikatakan "kerana Kerajaan belum dapat satu bukti (evidence) yang sah, maka Kerajaan tidak boleh buat apa-apa." Adakah ini benar?

Tuan Pengerusi, sesiapa di sini juga, kalau Menteri lebih baiklah; pergi ke pejabat pemaju perumahan ataupun authorise orang pergi ke sana minta untuk membeli seunit sahaja rumah kos rendah itu. Tengok, bagaimana jawapan diberi oleh pemaju perumahan itu. Mereka kata "Oh, sorry— tidak ada lagi, semua sudah jual." Walaupun iklan untuk menjual rumah kos rendah itu baru sahaja disiarkan. Tetapi apabila kita sampai ke pejabatnya, dia kata "Oh, sorrylah. Sudah penuh. Sudah habis, tidak ada lagi." Kalau kita kata "Eh, boleh tolong sedikitkah?...". Nanti dia jawab "Oh, ada. Ada kawan saya dia kata hendak jual. Tetapi dia sudah tandatangan "kontrak ubahsuai". Harganya tambahan bagi rumah kos rendah ini mungkin meningkat antara \$10,000 hingga \$15,000. Kalau Encik mahu, bolehlah saya tolong."

Saya pernah pergi ke satu pejabat pemaju perumahan—saya sendiri pergi. Saya kata, "saya hendak beli seunit rumah kos rendah yang baru diiklankan dua hari yang lalu."

Mereka jawab, "Sorry, tidak ada lagi."

"Macam mana? Baru diiklan pun sudah tidak ada lagi? Ini iklan dalam suratkhbar. Tidak ada lagi?"

"Ya, banyak orang beli—tengok! Semua sudah ditanda-tanda di sini. Sudah penuh."

Maka saya pun baliklah dan saya minta seorang kawan saya pergi memohon. "Kalau saya hendak tandatangan kontrak ubahsuai (renovation),

atau kontrak yang lain untuk rumah kos rendah itu.."

Dia kata, "Ada."

Perkara ini telah berlaku begitu lama tetapi Kerajaan tidak ambil apa-apa langkah terhadapnya. Mungkin Kerajaan tidak tahu, tetapi Kerajaan Barisan Nasional yang dikatakan Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah itu, di sini saya minta apakah kecekapannya untuk membanteraskan keadaan ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun. Atas apa?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat itu kata dia ada pergi ke pejabat pemaju perumahan untuk mendapatkan rumah kos rendah, sedangkan dia seorang Wakil Rakyat berpendapatan lebih daripada \$3,000. Sedangkan rumah kos rendah ini cuma untuk mereka yang berpendapatan \$750 ke bawah. Ini sudah tentulah dia tidak qualified. Jadi saya ingat ini adalah satu sandiwara yang dibuat oleh DAP.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, saya memang tidak layak untuk membeli rumah kos rendah. Saya tahu. Tetapi saya pergi ke Pejabat Pemaju Perumahan itu adalah bertujuan untuk mencari dan menguji sama ada perkara ini betul-betul berlaku dan juga mereka tidak kenal saya. Apabila saya sampai di sana mereka tidak panggil saya sebagai Yang Berhormat dan mereka tidak tahu saya. Maka saya pergi dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat sama ada perkara ini berlaku.

Tuan Pengerusi, saya ada bukti di sini, di mana Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyatakan pada 10hb Oktober, 1991 di Ipoh, di

mana dia telah ditanya oleh wartawan "Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan". Dia sedar, dia kata setakat ini belum ada apa-apa evidence yang konkrit bagi Kerajaan untuk bertindak. Ini bukan satu perkara yang saya sengaja ada-adakan ataupun perkara yang palsu, ini benar-benar berlaku. Ini bukan suatu sandiwara. Mungkin Menteri berkenaan tidak sedar bahawa perkara ini betul-betul berlaku.

Tuan Pengerusi, di sini juga saya hendak sebut sedikit sebanyak tentang Kerajaan Tempatan yang telah melancarkan satu kegiatan ataupun satu rancangan untuk mengindahkan bandar-bandar, Majlis Perbandaran dan Kerajaan Tempatan telah diberi satu peruntukan yang begitu besar untuk mengindahkan kawasan-kawasan perikatan di kawasan-kawasan Kerajaan Tempatan dan juga untuk membersih, menanam bunga, menanam pokok dalam skim ini.

Telapi, Tuan Pengerusi, oleh kerana adanya rancangan mengindahkan dan membersihkan bandar-bandar, maka Majlis Perbandaran, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Ipoh dan lain-lain ataupun Majlis Daerah telah mengambil kesempatan ini untuk, bukan hanya membersihkan sampah sarap, dia juga membersihkan penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil dan sederhana di tepi-tepi jalan dan di belakang lorong.

Tuan Pengerusi, perkara-perkara ini telah berlaku di Kuala Lumpur dan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan, membersihkan segala peniaga-peniaga kecil, segala penjaja-penjaja di tepi jalan dan juga di Bandaraya Ipoh—di mana saya diam di situ, kerana Kerajaan Tempatan menggalakkan Majlis Perbandaran untuk menjalankan skim ini, maka mereka menggunakan kesempatan ini membersihkan semua peniaga-peniaga kecil, semua penjaja-penjaja di tepi

jalan, di belakang jalan, di kanan jalan ataupun di lorong-lorong lain.

Maka terdapat pada hari ini tiada sebarang penjaja yang boleh dilihat oleh mata kita, di mata Menteri sendiri dan di hadapan orang awam apabila melawat ke Bandaraya Ipoh. Setakat ini sudah bersih dan ini menyebabkan satu masalah yang besar kepada penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil yang telah menjalankan kegiatan perniagaan yang begitu lama, mungkin satu generation, dua generation tiga atau empat generation. Tetapi sekarang dihentikan dan dipaksa dihentikan perniagaannya.

Maka dengan hakikat itu mereka tidak dapat mencari mata pencarian kehidupan kerana mereka tidak tahu membuat perniagaan yang lain selain daripada perniagaan-perniagaan yang telah dijalankan oleh mereka. Maka saya menyeru kepada Kerajaan Tempatan di bahagian Pusat ini patutlah berbincang dengan Kerajaan Tempatan di merata tempat. Janganlah ambil kesempatan itu untuk membersihkan semua penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil, sebab ini bukan dasar Kerajaan, hanya dasar daripada satu pihak tertentu sahaja. Maka saya minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berbincang dengan mereka untuk menggalakkan ataupun kalau boleh mambrikan lesen semula kepada mereka mencari rezeki yang lebih senang sedikit. Sebab bukan hanya mereka hendak mencari rezeki kehidupan sendiri, tetapi anak-anak mereka dan keluarga-keluarga mereka pun akan menghadapi masalah yang besar.

Oleh kerana itu Tuan Pengerusi, itulah sahaja pendapat saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tasek Chenderoh. Selepas Yang Berhormat bercucup, Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta mengulung.

5.38 *ptg.*

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohd. Zain (Tasek Chenderoh):

Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B.14 di bawah Program Perumahan—030000 dan P.14—Aktiviti 01500, 01700—di-gabungkan sekali.

Tuan Pengerusi, saya cuma ingin menyentuh satu perkara sahaja, seboleh-bolehnya dengan ringkas, walaupun saya bercadang tadi hendak bercakap fasal rumah kos rendah, tetapi nampaknya saya bersetujulah dengan sebahagian besar daripada ucapan wakil dari Ipoh. DAP pun, yang mana betul kita sokong. Cuma yang kita tidak boleh sokong cara dan sikap yang kurang ajar dan biadab dalam Dewan. Itu, kita tidak sokong, tetapi pendapat yang baik kita sokong.

Tuan Pengerusi, tujuan Kerajaan mengadakan Skim Perumahan Awam Kos Rendah ialah untuk membantu rakyat yang tidak mampu. Pada satu ketika dahulu Kerajaan mengendalikan Skim PAKR ini secara langsung. Tetapi sejak empat tahun yang lalu, Skim Perumahan Awam Kos Rendah ini, dalam proses kita menswastakan banyak kegiatan Kerajaan, kita pun telah menswastakan pemajuan perumahan awam kos rendah ini. Sewaktu perumahan awam kos rendah ini dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, pemilihan peserta-peserta, pembeli-pembeli rumah adalah dilakukan oleh Jawatankuasa Perumahan di Peringkat Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Tetapi setelah projek-projek perumahan Kerajaan ini diswastakan, pemilihan pembeli-pembeli dilakukan sendiri oleh syarikat-syarikat yang memajukannya termasuk pihak Bank yang membiayai syarikat tersebut ataupun membiayai pinjaman untuk pembinaan rumah-rumah tersebut.

Tuan Pengerusi, apabila dilakukan dengan secara ini, maka kemungkinan penyelewengan ada berlaku. Penyelewengan yang pertama ialah pemilihan-pemilihan peserta yang tidak mematuhi syarat, Ada pembeli-pembeli yang pendapatannya lebih daripada \$750 sebulan yang mana menjadi syarat kepada pembeli rumah kos rendah Kerajaan iaitu yang mempunyai pendapatan antara \$350—\$750. ini sewaktu pemilihan dibuat oleh Kerajaan dahulu. Tetapi sekarang ini pembeli-pembeli rumah ini, nampaknya seperti dalam kawasan saya yang saya sebutkan ini, orang-orang yang sepatutnya mampu untuk membeli rumah kos rendah yang dimajukan oleh swasta ataupun rumah kos yang lebih mahal. Jadi, itu satu bentuk penyelewengan.

Yang keduanya, bentuk penyelewengan ialah kebanyakan mereka yang layak membeli tidak berkesempatan membeli kerana kemungkinan berlaku mereka yang boleh memberi sedikit sebanyak favour kepada syarikat-syarikat yang memajukan rumah kos rendah ini.

Tuan Pengerusi, saya mendapat banyak aduan daripada penduduk-penduduk di kawasan saya tentang tiga buah skim perumahan awam kos rendah yang dilaksanakan dalam kawasan saya yang dikendalikan oleh sebuah syarikat, Al-Ada Sdn. Bhd. Dan banyaklah tuduhan-tuduhan tentang penyelewengan yang telah berlaku. Sehingga ada yang mengatakan mereka yang mengeluarkan sedikit perbelanjaan kepada syarikat tersebut dapat memohon pagi; dan petang confirmed pembeliannya. Jadi, saya harap oleh kerana Kerajaan Persekutuan membroi pinjaman kepada Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan, maka seharusnya kita mempunyai pengawasan ke atas pelaksanaan Skim Perumahan Awam Kos Rendah ini supaya benar-benar mencapai matlamat dan tujuan skim ini diadakan.

Saya ingin bertanya, sama ada pihak Kementerian patut kembali kepada cara yang dahulu, meminta supaya Kerajaan Negeri membuat pilihan kepada pembeli mengikut cara dahulu. Walaupun perumahan ini dilaksanakan oleh pihak swasta, tetapi pemilihan hendaklah dilakukan oleh Jawatankuasa Perumahan Dacrah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan ahli-ahlinya terdiri daripada Wakil-wakil Rakyat tempatan yang lebih kenal tentang suasana dan keadaan tempatan supaya ia dapat benar-benar memberi manfaat kepada penduduk-penduduk tempatan.

Yang kedua, saya ingin sentuh tentang skim pertapakan dan kemudahan. Saya ingin bertanya sejak ianya diumumkan oleh... .

Tuan Pengerusi (Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu di hawah Butiran yang keberapa?

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohame Zain: Butiran 017000, saya sudah sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, teruskan.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Sejak diumumkan dalam Belanjawan tahun lalu, berapa banyakkah pinjaman yang telah dilaksanakan di bawah skim ini?

Dan saya melihat dari segi di kawasan saya sendiri, setakat ini kebanyakan rakyat di kawasan saya tidak memahami dan tidak dapai menyambut skim pinjaman ini, walaupun ia bertujuan untuk membantu penduduk yang lebih rendah lagi pendapatnya daripada mereka yang mampu membeli rumah kos rendah, rumah yang bernilai \$10,000. Jadi, kalau kita tengok dalam Laporan Prestasi di bawah Aktiviti Skim Pinjaman Perumahan, Majlis Penerangan yang diadakan dalam tahun 1990 cuma 16, tahun 1991 12, tahun

1992 20 majlis penerangan, Kemungkinan kita harus mengadakan lebih banyak majlis penerangan supaya skim ini dapat benar-benar difahami oleh rakyat dan mereka dapat memohon pembinaan rumah-rumah yang berharga \$10,000 ini. Kemungkinan jika peruntukan ini ada, bantuan kita di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dapat dikurangkan lagi. Ada yang mungkin mampu untuk memohon pinjaman di bawah Skim Pertapakan dan Kemudahan.

Saya suka mencadangkan supaya skim ini juga disalurkan melalui Pejabat Daerah. Setiap satu tahun berikan kuota, Pejabat Daerah Kuala Kangsar contohnya, sekian banyak—300 buah rumah. Pejabat Daerah akan diisytiharkan melalui Ketua-ketua Kampung di seluruh pelusuk daerah supaya orang kampung dapat tahu, pada tahun ini ada 300 buah rumah di daerah Kuala Kangsar untuk bantuan di bawah Skim Pertapakan dan Kemudahan ini. Dan orang kampung boleh memohon untuk mendapatkan bantuan dan pihak Jawatankuasa Perumahan Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah boleh panggil, temuduga dan kemudian memberikan kepada siapa yang layak pada tahun itu dan disambung seterusnya pada setiap tahun. Pelaksanaan yang sebegini mungkin akan lebih memberi manfaat kepada seramai mungkin mereka yang memerlukan.

Saya rasa setakat itulah sahaja, Tuan Pengerusi, saya tidak mahu mengambil masa yang panjang supaya dapat Menteri ataupun Timbangan Menteri menjawab kepada semua perkara yang telah dibangkitkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila menggulung.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan...

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, keputusan telahpun dibuat....

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, bolehkah saya turut serta membahaskan peruntukan ini bahawa perkara ini penting dan hanya dua orang Ahli telah berucap mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, bila saya buat keputusan itu, mungkin Yang Berhormat masih sempat lagi dan bangkitkan perkara ini, tetapi sekarang ini saya rasa satu keputusan telahpun dibuat, ya Yang Berhormat....

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, ini hanya satu permintaan memandangkan bahawa hanya dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, keputusan itu tetap keputusan.

Tuan Lim Guan Eng: Dan saya hanya minta lima minit sahaja. Ini saya rasa bukan satu permintaan yang boleh dihalang.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Keputusan yang telah dibuat itu adalah muktamad.

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa ini adalah menunjukkan bahawa Yang Berhormat Tuan Pengerusi tidak adil.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu terpulang kepada Yang Berhormat. (*Disampuk*) Yang Berhormat tidak dibenarkan bercakap tanpa keizinan dan saya rasa Yang Berhormat diarahkan duduk dan berhenti bercakap mengikut Peraturan Mesyuarat 44 (1).

Tuan Lim Guan Eng: Ini tindakan yang tidak adil dan merupakan parasite

politik. Saya tidak meminta bercakap lama bahawa saya hanya meminia lima minit sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak dibenarkan. Duduk atau tidak, 44(1).

Tuan Lim Guan Eng: Jadi, di manakah keadilan Yang Berhormat. Saya rasa saya perlu membahaskan Kementerian ini dan saya rasa Tuan Pengerusi tidak adil kerana menatitkan hak saya untuk berucap.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak, keputusan tetap keputusan. Itu telahpun dibuat.

Tuan Lim Guan Eng: Apabila perbahasan Kementerian ini bermula, Tuan Pengerusi, sengaja tidak mahu memanggil saya. Ini menunjukkan suatu tindakan sengaja menafikan hak saya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, 44(1) tetap saya gunakan. (*Disampuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Daya saya hanya meminta hak saya untuk berucap. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Memandangkan keadaan sebegini, saya terpaksa menggunakan Peraturan Mesyuarat 44 (2) supaya Yang Berhormat diarahkan keluar dari Dewan ini. (*Tepuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Ini menunjukkan Tuan Pengerusi, parasite politik menafikan hak saya untuk berucap.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Bentara dikehendaki menjalankan tugas mengikm Peraturan Mesyuarat 44(2). Sila.

Tuan Lim Guan Eng: Yang saya hendak berucap ialah satu perkara

sahaja. Perkara yang baru berlaku mengenai penduduk di Melaka.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Peraturan Yang Berhormat kena patuhi. Bentara dikehendaki menjalankan tugas, keluarkan Yang Berhormat dari Kota Melaka mengikut Peraturan Mesyuarat 44(2). Silakan.

Tuan Lim Guan Eng: Ini betul-betul tidak ada standard.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Keluar juga.

Tuan Lim Guan Eng: Dengan paksa, yang kurang ajar. Macam ini kurang ajar. Sikap macam ini kurang ajar.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila menggulung. Dan sebelum itu saya rasa, orang yang bercakap kurang ajar itu, dialah yang perlu mempertingkatkan lagi tahap peradabannya sendiri. (*Tepuk*)

Tuan Lim Guan Eng: Kurang ajar.

(*Bentara mengiringi Y.B. Tuan Lim Guan Eng keluar Dewan*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila menggulung.

5.57 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan Ahli Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh yang telah membangkitkan beberapa perkara mengenai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah membangkitkan perkara pembedungan saluran najis di Ipoh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kelima, pembiayaan skim pembedungan saluran najis adalah di bawah skim pinjaman, oleh sebab itu pemegang harta di dalam kawasan terlibat terpaksa juga membuat sumbangan di atas pembinaan pembedungan tersebut. Walau bagaimanapun, dalam Rancangan Malaysia Keenam ianya telah dikaji dan pihak Kerajaan Negeri tclahpun membuat permohonan kepada Kerajaan Pusat supaya ianya dipcrumbangkan supaya sebahagian besar daripada perbelanjaan itu dibiayai oleh Kerajaan Pusat dengan secara grant ataupun percuma daiipada Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Ncgcri ataupun Pihak Berkuasa Tempatan.

Pihak Kerajaan Persekutuan tclahpun bersetuju pada dasarnya untuk memberikan sumbangan sebahagian daripada perbelanjaan tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri masih memohon untuk dipertingkatkan jumlah sumbangan itu dan pihak Kerajaan Persekutuan sedang mengkaji. Sumbangan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh sehingga \$15,000 adalah saya fikir tidak tepat, kerana saya difahamkan jumlah sumbangan ialah di antara \$2,000 hingga \$5,000 sahaja sumbangan yang perlu dibayar oleh pihak-pihak yang terlibat untuk membiayai projek ini untuk sebuah rumah.

Perkara yang kedua dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat talah mengenai rumah kos rendah. Kerajaan berpendapat bahawasanya projek sasaran yang dicadangkan itu boleh dicapai kerana di bawah Skim Perumahan Kos Rendah sebanyak 24,000 unit akan dibina, manakala 15,000 unit lagi akan di bina di bawah Skim Pertapakan. Penglibatan swasta adalah dialu-alukan dan pihak Kementerian sedia memberikan bantuan untuk mendapatkan peruntukan-peruntukan

yang berkenaan seperti mana yang telah ditunjukkan di dalam Belanjawan pada kali ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penglibatan Kementerian di dalam projek rumah kos rendah ini adalah setakat memberikan peruntukan tetapi pelaksanaan dan menyediakan tanah ialah terpulang kepada Kerajaan Negeri. Skim Perumahan Awam Kos Rendah ini melibatkan tanah yang disediakan oleh Kerajaan Negeri dan sekiranya tanah-tanah tidak disediakan maka projek rumah awam kos rendah tidak akan dapat dijayakan walaupun peruntukan itu boleh diberikan oleh Kerajaan Pusat. Kita sentiasa menggalakkan supaya projek ini dilaksanakan kerana ianya dapat dikawal dengan baik dari segi mutu pembinaannya dan juga dari segi pemberian kepada pembeli-pembeli.

Walau bagaimanapun, saya percaya apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai penyelewengan di dalam penjualan rumah kos rendah berlaku di luar pengetahuan Kementerian, kerana walaupun perkara-perkara tersebut itu mungkin ada kebenarannya tetapi pihak Kementerian tidak dapat bukti-bukti yang konkrit seperti mana yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat. Sekiranya bukti-bukti boleh diberikan, dibuktikan kepada kita maka kita bersedia mengambil tindakan mahkamah kerana apa yang dilakukan oleh pemaju-pemaju tersebut adalah bersalahan dari segi undang-undang pemaju perumahan. Dan rumah yang dibina di bawah perumahan awam kos rendah mestilah tidak melebihi \$25,000. Dan sekiranya ada alasan-alasan yang lain, yang menyebabkan harga itu lebih daripada \$25,000, maka tindakan boleh diambil untuk membawa pemaju-pemaju tersebut ke mahkamah. Oleh sebab yang demikian, saya mencadangkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh untuk membawa

bukti-bukti tersebut kepada Kementerian supaya tindakan boleh diambil terhadap pemaju-pemaju tersebut.

Kami telahpun membuat siasatan dan didapati pihak pembeli telah dengan sukarela menandatangani perjanjian pembelian rumah tersebut dengan perkara-perkara tambahan-tambahan yang dibuat dalam pembinaan rumah kos rendah itu. Oleh sebab perjanjian itu ditandatangani oleh pihak pembeli dengan secara sukarela, maka bukti penyelewengan tidak dapat diwujudkan. Oleh sebab itu, saya berharap sekiranya pembeli-pembeli yang teraniaya seperti ini mempunyai bukti, maka diharapkan dapat memberikan maklumat tersebut kepada Kementerian.

Perkara yang kedua, yang dibangkitkan ialah mengenai penyelewengan pembeli-pembeli rumah kos rendah yang telah diberikan peluang membeli rumah kos rendah tetapi menjualnya dengan harga yang istimewa. Pihak Kementerian bersedia mengambil tindakan kepada mereka yang terlibat menjual rumah-rumah kos rendah ini dan kita sedang mengkaji satu sistem, cara yang mana kita boleh mengawasi penyelewengan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian rumah kos rendah ini di bawah kawalan Kerajaan-kerajaan Negeri. Kerajaan-kerajaan Negeri telahpun mensyaratkan kepada pembeli-pembeli rumah kos rendah ini, syarat-syarat yang tertentu misalnya mereka mesti mengisi borang membeli rumah dan membuat pengakuan bahawa wasanya mereka tidak mempunyai pendapatan melebihi \$750 sebulan dan selain daripada itu mereka mesti bermastautin di tempat tersebut dan ada syarat-syarat yang lain. Dan sekiranya mereka melanggar syarat-syarat ini, mereka boleh didakwa di mahkamah. Maka dengan sebab itu penyelewengan yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu saya tidak pasti macam mana boleh

dilakukan, dan sekiranya ia boleh dibuktikan, pihak Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Mengenai penswastaan Projek Perumahan Awam Kos Rendah, sememangnya Kementerian mengharap pihak swasta melibatkan diri mereka dengan skim perumahan kos rendah ini, kerana target kita yang telahpun kita sasarkan kepada pihak swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita juga telah memberikan syarat pembelian rumah kos rendah ini mestilah memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri. Oleh sebab itu saya tidak nampak bagaimana pnyelewengan ini telah berlaku, dan di sini juga saya akan meminta kepada pegawai Kementerian untuk menyasiat dan sekiranya ada bukti-bukti yang konkrit dan boleh dibawa ke mahkamah, tindakan akan diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh telah membangkitkan mengenai Skim Pertapakan yang kurang dibekalkan penjelasan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Pertapakan ini tidak boleh dilakukan secara individu, ia memerlukan penglibatan Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri mestilah menyediakan tapak atau tanah untuk Skim Pertapakan ini dilaksanakan. Jadi bermakna satu kawasan tanah yang melibatkan beberapa pembeli atupun tuannya rumah dan Kerajaan Negeri diminta menyediakan pembinaan infrastruktur kerana jumlah pemberian yang diberi di bawah Skim ini ialah \$10,000 sahaja iaitu kemungkinannya tidak mencukupi untuk membangunkan keseluruhan rumah dan infrastrukturnya. Oleh sebab itu \$10,000 ini adalah dimaksudkan untuk membina sebuah ibu rumah atau inti rumah iaitu sebuah bilik tidur, satu bilik tamu dan satu bilik dapur dan melibatkan juga pembelian harga tanah dan juga sebahagian daripada perbelanjaan

infrastruktur. Memang dijangkakan \$10,000 tidak mencukupi, maka dengan sebab itu Kerajaan Negeri juga terpaksa memberikan sumbangan. Oleh sebab Kerajaan Negeri kurang memberikan sambutan kepada Skim Pertapakan ini, maka ianya belum lagi dapat diperhebatkan pelaksanaannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Perlapan ini telahpun diberi penjelasan kepada Kerajaan Negeri ataupun pihak-pihak yang bercadang untuk melaksanakannya. Jadi tidak timbul penjelasan kepada orang rarnai kerana sekiranya projek itu telah diwujudkan kawasan tapak pelaksanaannya, maka lerpulanglah kepada Kerajaan Negeri untuk mmbcrikan maklumat-maklumat untuk mereka yang terlibat. Kemungkinan Kerajaan Negeri telahpun mengenalpasti kumpulan-kumpulan sasaran yang perlu diberikan rumah di bawah Skim ini. Dengan kumpulan yang telah dikenalpasti itu, maka ianya boleh ditempatkan di bawah Skim Pertapakan ini.

Untuk makluman, Skim ini tidak dikenakan apa-apa faedah dan kita mengharapkan supaya ianya mendapat sambutan yang lebih besar. Pada masa ini hanya 4 buah negeri sahaja yang telah melibatkan dan kita mengharapkan lebih banyak lagi negerinegeri yang akan melibatkan diri dengan Skim Pertapakan ini kerana peruntukan yang besar telahpun disediakan.

Tuan Pengerusi, saya ingat itulah sahaja perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan Tasek Chenderoh. Walau bagaimanapun, saya ingin memberikan jaminan kepada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh bahawasanya Program Bersih dan Indah tidaklah bermaksud untuk inenganiaya peniaga-peniaga kecil ataupun mereka yang terlibat dengan menjaja di tepi-tepi jalan dan sebagainya. Apa yang diambil tindakan

oleh Pihak Berkuasa Tempatan ialah untuk menentukan supaya mereka ini menjaga kebersihan dari segi menentukan ianya mempunyai lesen dan juga menentukan tahap kebersihan supaya kesihatan pengguna tidak terlibat dan tidak dapat dinafikan walaupun. ...

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Arau bangun.

Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha: Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebab masa amat terhad, Tuan Pengerusi, dan kita semua ini bergerak ke arah masa yang amat terhad, tidak seronoklah sebab cuma dua orang sahaja yang boleh bahas, jadi terpaksa mengambil peluang bertanya, tetapi tajuk lain sedikitlah, bukan tajuk yang dijawab iaitu mengenai keindahan, ia ada hubungan dengan sampah.

Saya lihat bentuk pembuangan sampah yang ada sekarang iaitu dalam sistem longgok tambun (*land field*). Apakah Kementerian Yang Berhormat sedang memikirkan cara-cara yang lain, ini bertujuan untuk keindahan, cara-cara lain yang membolehkan supaya sistem longgok dan lambun ini tidak diperkenalkan lagi, tetapi diperkenalkan sistem longgok dan hapus. Maknanya kita hapuskan sampah itu dalam bentuk penghapusan dan mungkin kita boleh mengeluarkan *by-product* daripada bahan-bahan sampah tadi, sebab pada masa sekarang kita lihat sistem longgok dan tambun ini dan selepas itu kita tambun jadikan pula kawasan perumahan.

Ada satu insiden di Germany di mana kawasan longgokan sampah kemudian dijadikan kawasan perumahan, seluruh kawasan itu meletup oleh kerana gas-gas yang terkumpul itu

menyebabkan seluruh kawasan perumahan itu hancur. Saya takut benda ini akan terjadi di Kuala Lumpur dan juga di lempat-tempal lain di mana gas-gas yang terkumpul hasil longgokan sampah yang diperkenalkan oleh kita. Jadi apakah pihak Kementerian di bawah mana-mana tajuk keindahan ataupun di bawah Kerajaan Tempatan, memikirkan cara-cara baru untuk membolehkan supaya sampah ini dibuang dan dihapuskan, bukan dibuang dan dilambun. Itu yang pertama.

Kedua, apabila sampah ini dibuang dan ditambun, siapakah yang patut menerima kesan daripada pembuangan sampah ini? Mesti salah satu kawasan perumahan ataupun salah satu kumpulan manusia harus menerima kesan sebab kawasan pembuangan sampah terhad. Contohnya, di Kuala Lumpur sendiri tempat pembuangan sampah itu tentulah berdekatan dengan satu-satu kawasan kependudukan, dia mesti di satu kawasan perumahan. Seperti di Perlis, Perlis negeri besar mana, dia buang sampah dekat manapun mesti ada orang. Jadi adakah orang yang menerima kesan daripada tempat pembuangan sampah tadi dibayar apa-apa oleh pihak Kerajaan kerana terpaksa menanggung bau busuk sementara sampah ditambun, atau adakah cara-cara lain yang membolehkan supaya pembuangan sampah ini dibuat dengan cara yang elok.

Kalau masa sudah lewat, Tuan Pengerusi, kita sambung bagi lewat. Saya ingat untuk Kementerian Belia ini kita boleh sambung sampai Monday, sebab tidak adil kalau dua orang sahaja batias untuk belia atau mana-mana satu Kementerian, jadi kalau kita biar beri DAP merapu... .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak kemuka sesuatu boleh, itu diizinkan, yang lain itu terpulang kepada Kerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Pengerusi, saya belum lagi habis menjawab mengenai Ipoh. Walau bagaimanapun, mereka ini ditempatkan di tempat-tempat yang lebih sesuai, jadi ia lebih indah dan juga menjamin mutu makanan dan kebersihan untuk pengguna-pengguna, tidak ada tujuan merosakkan pendapatan penjaja-penjaja kecil tersebut.

Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Arau, Kemenerian sentiasa mengkaji untuk meningkatkan cara-cara yang baru di dalam cara pelupusan sampah ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Kuala Terengganu kita telahpun menggunakan sistem pembakaran (incinerator). Tetapi kita dapati ianya terlalu mahal untuk dilaksanakan dan tidak praktikal sekiranya sampah itu tidak mencukupi pada satu masa untuk dihapuskan menggunakan incinerator.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Haji Daud bin Dato* Haji Taha: Biar saya habiskan dulu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Hendak sambungkan ini. Mengapa dibuat di Terengganu, Yang Berhormat? Di Kuala Lumpur banyak sampahnya. Kita cuba membuat sistem itu di Kuala Lumpur ini.

Tuan Haji Daud bin Dato* Haji Taha: Selain daripada itu, mungkin di Kuala Lumpur pun belum lagi sampai ke tahap mencukupi sampah itu. (Ketawa) Biar saya habiskan dulu. . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebenarnya, saya melawat ke satu negeri. Untuk 250,000 orang penduduk di sana satu alat digunakan. Jadi, di Kuala Lumpur ada berapa juta orang? Saya ingat lebih unit diperlukan, Yang Berhormat. Minta maaf.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Pengerusi, seperti mana yang saya sebutkan tadi, sistem pelupusan sampah ini bukan semestinya dengan cara yang dibuat sekarang. Tetapi kita juga sedang menggalakkan sistem "recycling" iaitu menggunakan sampah-sampah itu untuk digunakan semula seperi yang kita lakukan di Shah Alam dan di Petaling Jaya, dan kita menggalakkan supaya rakyat berdisiplin, bersih dan juga mendapat faedah daripada apa yang mereka lakukan kerana sampah-sampah yang dikumpulkan seperti botol, lin-tin dan plastik-plastik itu mungkin boleh digunakan semula dan boleh menjadi punca pendapatan kepada mereka. Ini yang kita akan menggalakkan dalam skim "recycling".

Dari segi kajian-kajian yang baru untuk mempertingkatkan cara-cara pembuangan sampah ini, sememangnya kita berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau yang telah memberikan maklumat yang terbaru ini. Insya Allah, kalau betul apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu dan boleh dilaksanakan di negeri ini, kita akan kaji dan kalau ada duit lebih kita akan minta Yang Berhormat bekerjasama dengan kita. . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Kota Setar bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, saya pun hendak cakap tadi dan tidak ada peluang. Tetapi saya hendak bertanya sedikit kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan pembentungan najis sebab ini akan dilakukan di kawasan saya di Alor Setar. Kawasan saya Kota Setar letaknya di luar Alor Setar. Jadi, adalah tidak patut segala najis-najis orang bandar Alor Setar dibawa ke kawasan Kota Setar, ke luar bandar. Ini saya dengar khabar hendak buat pem-

bentungan najis di kawasan Kota Setar, kawasan di luar dari bandar. Tidakkah ini, kepentingan orang-orang bandar, orang-orang luar bandar menjadi mangsa. Apa yang kita tahu orang-orang bandar ini sokong DAP. Apakah kita hendak bawa najis-najis DAP ini pergi ke luar bandar! (*Ketawa*) Kita mintalah Menteri atau Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mencari jalan yang lain. Jangan bawa najis daripada bandar ke kawasan luar bandar. Kita telah lihat contoh sampah-sarap yang telah dibawa dari bandar ke luar bandar. Sungguhpun sampah-sampah ini dibakar tetapi asap-asapnya masih mencemarkan udara dan menyiksa orang-orang di luar bandar. Jadi, saya mintasupaya Kenmenterian ini mencari jalan yang lebih baik daripada membuat pembentungan di kawasan-kawasan luar dari bandar ini.

Bila dari bandar masuk ke kawasan saya, luar bandar, ia berkembar dengan Alor Setar. Semua kawasan luar dari Alor Setar termasuklah dalam kawasan saya, Kuala Kedah dan lain-lain. Saya minta cari jalan yang lebih baik dan jangan membuang najis itu di kawasan luar bandar sahaja. Terima kasih.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Pengerusi, dalam pembentungan najis ini bukan maksudnya kila pindahkan najis itu bulat-bulat ke luar bandar. (*Ketawa*) Maknanya ia telah menjadi hampir bersih dan ada sebahagian sistem yang mana air itu dijadikan air yang boleh diminum.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Itu kalau alat itu tidak rosak. Kalau alat atau mesin itu rosak, orang-orang yang berdekatan menghadapi masalah—sebab yang bulat akan tinggal bulat, yang busok akan bertambah busok.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Pengerusi, perkara ini sememangnya adalah dalam sistem

kawalan. Jadi, sekiranya ini dibuat ianya memang akan menjadi penemuan supaya ia adalah bersih. Di dalam melaksanakan sistem pembentungan ini bukanlah kita menentukan bahawa ianya mesti ditempatkan di kawasan-kawasan di mana ahli-ahli Barisan Nasional ataupun ahli-ahli Pembangkang berada tetapi di tempat-tempat yang sesuai. Walau bagaimanapun, sekiranya didapati kawasan-kawasan luar bandar itu sesuai, ianya terpaksa diletakkan di sana kerana kemungkinan dalam bandar tidak terdapat tempat yang sesuai lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan luar bandar pun suatu hari mungkin menjadi kawasan bandar. Jadi, perkara-perkara seperti ini yang tidak dapat dielakkan dari segi peningkatan dari satu masa ke satu masa. Walau bagaimanapun, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang diambil kira dan akan diambil perhatian.

Itu sahajalah, Tuan Pengerusi, dan saya mengucapkan lerima kasih dan memohon maaf jika sekiranya ada perkara-perkara yang dibangkitkan yang tidak dapat saya jawab dalam masa yang diuntukkan. Insya Allah, pihak Kementerian akan mengambil perhatian dan cuba menyelesaikan perkara yang dibangkitkan itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$56,519,800 untuk Maksud B.14; \$11,826,900 untuk Maksud B.IS; \$89,577,500 untuk Maksud B.16 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$56,519,800 untuk Maksud B.14; \$11,826,900 untuk Maksud B.15 dan \$89,577,500 untuk

Maksud B.16 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$131,930,230 untuk Maksud P.14 dan \$40,960,000 yang disebutkan untuk Maksud P.16 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1992 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$131,930,230 untuk Maksud P.14 dan \$40,960,000 untuk Maksud P.16 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1992.

*Maksud B.17 (Jadual)—
Maksud P.17 (Anggaran Pembangunan, 1992)—*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kepala Bekalan B.17 dan Kepala Pembangunan P.17 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Parit Sulong.

6.18 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad (Parit Sulong): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun meminta izin untuk memperkatakan dua topik khusus yang berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan dalam peringkat Jawatankuasa petang ini.

Periamanya ialah Butiran 02000 di bawah Kepala B.17 iaitu mengenai Belia. Dalam konteks ini, izinkan saya membuat perbandingan antara strategi Belanjawan tahun ini dengan Belanjawan Tahun 1992 yang sedang diperbincangkan sekarang. Dalam Buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1991 yang dibentangkan pada tahun yang lalu, KBS tidak langsung menyebutkan tentang Program Induk Belia Negara atau PIBN sebagai landasan kepada pendekatan

pembangunan belia dan sukan. Dalam buku yang serupa bagi tahun ini pula, KBS atau Kementerian Belia dan Sukan memperkenalkan PIBN sebagai satu pendekatan baru untuk pembangunan belia dan sukan di negara ini. Ini bermakna mulai Belanjawan untuk tahun depan, Kementerian Belia dan Sukan akan menjadikan PIBN sebagai satu landasan kepada program dan aktiviti. Kepada saya ini memang bagus. Sekurang-kurangnya perubahan ini menunjukkan dinamisma yang digerakkan oleh Menteri Belia itu sendiri. Seorang yang muda, seorang yang progresif dan seorang yang lincah. Tetapi dengan kemunculan PIBN ini, banyak pertanyaan yang perlu dijelaskan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan seperti:

- (i) Apakah dasar yang melandasi program dan aktiviti belia dan sukan sebelum kedatangan Menteri Belia dan Sukan yang baru ini? Benarkah sebelum era Menteri Belia yang baru, Dasar Belia Negara dan Dasar Sukan Negara yang sebenarnya melandasi program serta aktiviti Kementerian Belia dan Sukan? Jika benar, ke manakah dasar-dasar tersebut sekarang ini? Adakah ini sudah jadi lapuk dan ketinggalan zaman?
- (ii) Kemunculan PIBN atau Program Induk Belia Negara telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Stadium Kubu, Melaka pada 21hb Mei tahun ini. Dalam alu-aluannya Menteri Belia dan Sukan, antara lain, mengatakan bahawa PIBN diasaskan kepada cita-cita dan hasrat untuk mewujudkan satu masyarakat Malaysia yang progresif selaras dengan Wawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020. Dalam alu-aluannya juga,

Menteri Belia dan Sukan menegaskan bahawa PIBN adalah satu perancangan dan pelaksanaan program secara sistematik untuk disertai oleh para belia negara agar menerusi pelbagai aktiviti utama akan dapat diterapkan nilai-nilai tertentu yang difikirkan penting bagi proses "nation building".

Seterusnya rakyat jelata diberitahu bahawa pelaksanaan program itu iaitu PIBN bukan semata-mata dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan malahan ia seharusnya mendorong semua pihak termasuk swasta, pertubuhan sukarela serta seluruh rakyat jelata. Penjelasan serba ringkas ini menimbulkan soalan-soalan berikut:

- (a) Siapakah yang menggubal Program Induk Belia Negara?
- (b) Adakah badan-badan belia ataupun wakilnya di seluruh peringkat dibawa berunding di dalam proses penggubalan Program Induk Belia Negara?
- (c) Adakah PIBN itu benar-benar mencerminkan kehendak yang hakiki masyarakat Malaysia, masyarakat belia pada hari ini?
- (d) Jika badan belia ataupun wakil-wakil mereka tidak dibawa berunding dalam penggubalan PIBN akan berjayakah PIBN sebagai penggerak, perangsang atau catalyst kepada pembangunan belia dan sukan keseluruhannya di masa-masa akan datang?
- (e) Seterusnya untuk melibatkan pihak swasta, badan sukarela dan rakyat jelata dalam pelaksanaan PIBN, sudahkah kumpulan-kumpulan ini juga dirundingi?

Tuan Pengerusi, soalan saya yang ketiga, daripada perkara-perkara yang dibangkitkan tadi, saya dapat gambaran

bahawa Menteri Belia dan Sukan yang baru ini nampaknya memang benar-benar berharap akan kejayaan PIBN. Tetapi jika PIBN merupakan satu perancangan dan pelaksanaan secara sistematik, saya ingin tahu adakah masalah tenaga penggerak PIBN itu sendiri, maksudnya adakah kakitangan yang akan menggerakkan PIBN di peringkat-peringkat daerah, mukim dan kampung pernah difikirkan sebelum ini? Adakah Kementerian Belia dan Sukan merasai cukup dengan jumlah pegawai belia di seluruh negara pada hari ini? Satu negeri satu pegawai belia, satu daerah satu pegawai belia. Adakah ini akan menjamin kejayaan Program Induk Belia Negara di masa akan datang?

Tuan Pengerusi, saya khawatir PIBN akan menjadi satu perancangan yang indah dalam buku-buku sahaja, dalam katalog. Orang putih kata dalam drawing board sahaja. Saya khawatir Malaysia Cergas, Malaysia Cemerlang, Malaysia Patriotik, Malaysia Harmoni, Malaysia Mahir, Malaysia Mulia, Malaysia Maju, Malaysia Sejahtera, Malaysia Prihatin dan Malaysia Berbudaya sebagaimana yang menjadi inti-pati kepada Program Induk Belia Negara akan gagal jika kelahiran program ini tidak dijelaskan kepada generasi belia dengan sejelas-jelasnya dan jika kemunculan program ini tidak disaingi oleh pertambahan kakitangan yang akan mengelolakan atau supervise pelaksanaan program ini.

Oleh itu, saya berharap dan kalau boleh saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia supaya Kementerian Belia dan Sukan mewujudkan satu badan penyelarasan pelaksanaan Program Induk Belia Negara. Ini penting jika program ini mahu muncul sebagai satu program yang berkesan. Badan penyelarasan ini mestilah menyeluruh ke semua peringkat dari peringkat nasional ke peringkat negeri pergi ke peringkat daerah, mukim dan kampung. Keanggotaan badan penyelarasan PIBN

ini perlu merangkumi bukan sahaja pegawai Kerajaan dari agensi-agensi yang terlibat dengan pembangunan belia tetapi juga mengumpulkan wakil-wakil pertubuhan belia, wakil-wakil organisasi swasta dan juga wakil-wakil badan sukarela. Badan penyelarasan pelaksanaan PIBN ini perlu ditubuhkan dengan segera demi kepentingan belia di masa akan datang.

Tuan Pengerusi, selanjutnya dalam konteks Butiran 020000, B. 17 ini, saya menggesa Kementerian Belia dan Sukan mencari jalan untuk menyelesaikan keadaan badan-badan belia yang sedang kelihatannya bercelaru, berkeceramuk dan huru-hara amat sedih sekali. Lebih-lebih lagi apabila baru-baru ini kita sudah dapat tahu, umpamanya badan belia 4B ada dua Presiden, Bagaimanakah kita hendak mengantungkan harapan kepada belia yang akan mewarisi perjuangan melaksanakan Wawasan 2020. 4B ada dua Presiden. ini bermakna 4B satu pertubuhan belia yang unggul sedang berhadapan dengan satu krisis kepimpinan yang amat kritikal. Badan-badan belia yang lain juga kelihatannya lemah sejak kebelakangan ini. Apa yang sudah terjadi kepada kita sekarang?

Dalam era kita mengharapkan badan-badan belia memainkan peranan yang cergas untuk mendokong cita-cita perjuangan ke arah tahun 2020, badan-badan belia kelihatannya tidak bermaya, Menteri Belia dan Sukan wajar memandang berat hal ini. Jangan sampai PIBN juga tidak dapat disambut pelaksanaannya dengan jaya oleh badan-badan belia kita.

Dalo' Haji Mohd. Sharif bin Jajang: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Sepang bangun.

Dato' Haji Mohd. Sharif bin Jajang: Saya ingin mendapat penjelasan sedikit. Yang Berhormat mengatakan 4B sekarang ini ada dua Presiden, dua kepala. Kalau Yang Berhormat diberi peluang untuk hendak mengiktiraf yang mana satu, jadi Yang Berhormat hendak mengiktiraf Presiden 4B yang ada di dalam Dewan inikah atau di luar Dewan?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya rasa saya selalu mengiktiraf kawan yang saya kenali iaitu yang berada di dalam Dewan, (*Tepuk*)

Oleh itu, Tuan Pengerusi, saya meneruskan ucapan saya.

Saya juga berharap Kementerian Belia dan Sukan meneroka sebarang kemungkinan untuk mewujudkan satu sahaja pertubuhan belia di negara ini di masa-masa akan datang. Saya ulangi meneroka kemungkinan, find the possibility, dengan izin. Mungkin pandangan ini agak drastic dan pandangan ini mungkin mencanggahi kebebasan berpersatuan yang dijamin oleh Perlembagaan, tetapi cuma kaji kemungkinan ini dan cuba kaji pendekatan yang wajar mengenai perkara ini. Oleh kerana kita tidak mahu berbangga dengan....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Pasir Mas bangun.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat dari Parit Sulong ada menyebut bahawasanya beliau mengiktiraf Presiden 4B yang ada di dalam Dewan ini atas dasar kerana kawan. Saya pun mengiktiraf Presiden 4B yang ada di dalam Dewan tetapi saya minta penjelasan yang lebih lanjut kerana pengiktirafan kita tidak

seharusnya dibuat atas dasar kawan, tetapi di atas dasar kebcnaran. Apakah Yang Berhormat tahu apa yang berlaku mengenai 4B di waktu pemilihan diadakan, kerana Setiausaha Agong ataupun Presiden 4B satu lagi adalah Setiausaha Agong Semangat 46 dan saya mengetahui sedikit sebanyak mengenai 4B kerana ia pernah dibincangkan di dalam Majlis Kerja Tertinggi Semangat 46, macam mana 4B ini hendak dipergunakan bagi kepentingan politik Semangat 46. Adakah Yang Berhormat tahu dan kalau tahu ataupun tidak tahu minta beri penjelasan supaya pengiktirafan yang diberi itu berasaskan kepada kebenaran dan keadilan mengikut undang-undang dan peraturan bukan di atas dasar kawan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana saya bukan Menteri Belia dan Sukan hendak menjawab tetapi pada pandangan saya apabila kawan itu adalah kawan yang menegakkan kebenaran, kawan yang memperjuangkan perjuangan Melayu, kawan yang memperjuangkan matlamat Kerajaan yang ingin membawa negara ini ke arah kecemerlangan. (*Tepuk*) Saya juga mendapat tahu di dalam Mesyuarat Belia 4B Nasional yang diadakan di utara baru-baru ini memang terdapat beberapa penyelewengan untuk cuba menyekat pihak-pihak yang memegang obor perjuangan itu dari mendapat tempat untuk memperjuangkan kebenaran yang sebenar-benarnya.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin mendesak sekali lagi Kementerian Belia dan Sukan supaya menghalusi cadangan saya di Dewan yang mulia ini baru-baru ini supaya diwujudkan jawatan pegawai pembangunan belia di peringkat mukim dan kampung-kampung. Ini penting jika kita sayangkan jenerasi muda kita yang sebenarnya merupakan khazanah negara untuk masa akan datang. Harap beritahu kepada Dewan ini jika kewujudan jawatan ini merupakan satu halangan. Kalau ada yang menghalang, siapakah yang menghalang?

Saya yakin pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) tidak akan menghalang kewujudan mana-mana jawatan sekiranya jawatan itu adalah untuk menjamin survival warganegara yang akan mewarisi perjuangan yang cemerlang ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah suntuk. Yang Berhormat diminta sambung pada 2hb Disember, 1991.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga hari Isnin depan, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.